# TAN SRI ABD. SAMAD IDRIS:
# SATU KAJIAN BIOGRAFI
# (1946 - 1980)

ROHAIZI BINTI BARU

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JAB. SEJARAH

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1990/91



# TAN SRI ABD. SAMAD IDRIS:
# SATU KAJIAN BIOGRAFI
# (1946 - 1980)

ROHAIZI BINTI BARU

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat ijazah Sarjana Muda Kepujian Dalam Bidang Sejarah

Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan nukilan-nukilan dan ringkasan yang mana tiap-tiap satunya telah saya akui sumbernya.

Tandatangan | Tarikh

Dedikasi ....,

Untuk tok dan tokki ... jasa kalian membesarkan diriku akan ku kenang sampai bila-bila .... kasih sayang kalian yang mendorong aku untuk ini ...

Untuk mak ... terima kasih untuk segalanya ... ketabahan mu amat mengkagumkan ...

Untuk adik ... semoga Rohmu diterima disisiNya ...

Untuk adik beradikku .... telah ku sahut 'cabaran di luar sedar' kalian

Untuk Nadzim .... kehadiranmu menceriakan suasana .............

**LATAR DIRI**

Rohaizi binti Baru telah dilahirkan pada 14hb. Mei 1967, di Kampung Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu, ttetapi dibesarkandi Kampung Kuala Telemong, Kuala Terengganu. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Telemong, Kuala Terengganu dari tahun 1974-1979 (darjah 1-6), kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang, Terengganu dari tingkat satu sehinggalah tamat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Pada bulan Jun 1987, beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, dalam Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Pada tahun 1989, beliau telah tamat pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda Sastera. kemudian melanjutkan pengajiannya setahun lagi ke peringkat Ijazah Sarjanamuda Sastera Dengan Kepujian dalam bidang sejarah.

Tarikh

Tandatangan

## PENGHARGAAN

Di awalnya, penulis bersyukur kepada Tuhan, kerana dengan Rahmat dan InayahNya, penulis telah dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dikesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap semua pihak yang terlibat tertuamanya kepada tokoh yang dibuat kajian itu, ibu, isteri dan kedua orang adik beliau, kawan-kawan seperjuangan dan juga orang-orang perseorangan yang terlibat, kerana kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai untuk menjayakan Latihan Ilmiah ini.

Jutaan terima kasih penulis ucapkan kepada Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid kerana mencadangkan tajuk ini, juga kepada Encik Kamaruzaman Yusof yang telah sudi menjadi penyelia Latihan Ilmiah ini. Penulis juga terhutang budi atas dorongan dan bantuan yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga penulis hulurkan kepada semua kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Arkid Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Parlimen Malaysia kerana kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan ini.

# SINOPSIS

Tan Sri Abdul Samad idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980), cuba meninjau riwayat hidup tokoh ini dan juga mengkaji bagaimana perjuangan politik dan kegiatan beliau dalam bidang sosio-ekonomi. Walaupun tokoh ini tidak mendapat pendidikan yang tinggi, umpamanya tidak mempunyai sebarang ijazah dalam bidang-bidang tertentu, namun yang nyata beliau telah berjaya dalam perjuangannya. Bermula dengan bidang perniagaan yang diceburi secara kecil-kecilan kemudian bergiat pula dalam bidang kewartawanan yang telah memudahkan beliau untuk mendalami bidang politik. Penceburan beliau yang serius dalam politik telah berjaya menonjolkan beliau sebagai seorang ahli politik negara. Beliau bergiat aktif dan telah memberikan tumpuan yang serius pula dalam bidang sosio-ekonomi. Jadi, kajian Latihan Ilmiah ini akanmengkaji bagaimana pengalaman-pengalaman hidup tokoh ini dari tahun1946 sehingga 1980 yangmerangkumi beberapa aspek dalam bidang politik dan sosio-ekonomi.

# SINOPSIS

Tan Sri Abdul Samad idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980), cuba meninjau riwayat hidup tokoh ini dan juga mengkaji bagaimana perjuangan politik dan kegiatan beliau dalam bidang sosio-ekonomi. Walaupun tokoh ini tidak mendapat pendidikan yang tinggi, umpamanya tidak mempunyai sebarang ijazah dalam bidang-bidang tertentu, namun yang nyata beliau telah berjaya dalam perjuangannya. Bermula dengan bidang perniagaan yang diceburi secara kecil-kecilan kemudian bergiat pula dalam bidang kewartawanan yang telah memudahkan beliau untuk mendalami bidang politik. Penceburan beliau yang serius dalam politik telah berjaya menonjolkan beliau sebagai seorang ahli politik negara. Beliau bergiat aktif dan telah memberikan tumpuan yang serius pula dalam bidang sosio-ekonomi. Jadi, kajian Latihan Ilmiah ini akanmengkaji bagaimana pengalaman-pengalaman hidup tokoh ini dari tahun1946 sehingga 1980 yangmerangkumi beberapa aspek dalam bidang politik dan sosio-ekonomi.

# KANDUNGAN

| | | Halaman |
|---|---|---|
| PENGAKUAN | | ii |
| LATAR DIRI | | iii |
| PENGHARGAAN | | iv |
| SINOPSIS | | v |
| JADUAL KANDUNGAN | | vi |
| SENARAI KEPENDEKAN | | x |
| SENARAI GAMBAR | | xi |
| PENDAHULUAN | | xii |
| **BAB I :** | **Riwayat Hidup Tan Sri Abdul Samad Idris** | |
| 1.1 | Kelahiran Dan Latar Belakang | 1 |
| 1.2 | Pendidikan | 3 |
| 1.3 | Perkahwinan Dan Keluarga | 8 |
| 1.4 | Kerjaya Di Peringkat Awal | 10 |
| **BAB II :** | **Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Politik (1946-1980)** | |
| 2.0 | Kesedaran Politik Di Peringkat Awal | 19 |
| 2.1 | Abdul Samad Idris Dan Politik UMNO Sebelum Tahun 1955 | 23 |
| 2.2 | Tan Sri Abdul Samad Idris dan Pilihanraya Antara Tahun 1955-1969 | 33 |
| 2.3 | Krisis Politik di Negeri Sembilan - Abdul Samad Idris Dan Isu Perlantikan Menteri Besar (1958-1969) | 40 |

Halaman


2.3.1 Perlantikan Dr. Mohd. Said Sebagai Menteri Besar Dan Peranan Yang Dimainkan Oleh Abdul Samad Idris 43

2.3.2 Abdul Samad Idris Dilantik Sebagai Timbalan Kepada Menteri Besar (1964-1969) 54

2.3.3 Mengapa Abdul Samad Dicalonkan Ke Parlimen Pada Pilihanraya 1969. 62

2.4 Kegiatan Politik Abdul Samad Idris Selepas 1969 Dan Penglibatannya Dalam Kerajaan Pusat 70

2.5 Kesimpulan 79

**BAB III: Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Kebudayaan (1946-1980)**

3.0 Pengenalan 83

3.1 Abdul Samad Idris Dan Persurat-khabaran Kewartawanan 85

3.2 Abdul Samad Idris Dan Badan Persuratan 89

3.2.1 ASAS Negeri 90

3.2.2 Kegiatan Dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) 97

3.3 Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Adat Perpatih 99

3.4 Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Kesenian 107

3.4.1 Seni Mempertahankan Diri Persaudaraan Nasrul Haq 107

3.4.2 Abdul Samad Idris Seorang Berjiwa Seni 110

3.5 Abdul Samad Idris Dan Konsep Kebudayaan Kebangsaan 112

Halaman

3.6 Abdul Samad Idris - Tokoh Budaya GAPENA 1980 118

3.7 Abdul Samad Idris dan Karya Penulisannya 123

3.8 Kesimpulan 124

**BAB IV : Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Sosio-Ekonomi (1946-1980)**

4.0 Pengenalan 127

4.1 Kegiatan Sosio-Ekonomi Sekitar Tahun 1946 Hingga 1976 128

4.1.1 Kegiatan Berbentuk Ekonomi 128

4.1.2 Penglibatan Dalam Pertubuhan Sosial 130

4.1.3 Penglibatan Dalam Pertubuhan Sosial 135

4.2 Kegiatan Sosio-Ekonomi Pada Tahun 1976 Sehingga 1980 138

4.2.1 Kegiatan Belia 139

4.2.2 Kegiatan Sukan 147

4.2.3 Kegiatan Pertubuhan Sosial 151

4.3 Kesimpulan 152

PENUTUP 154

BAHAN-BAHAN RUJUKAN 165

LAMPIAN-LAMPIRAN 173

Lampiran I Pergerakan Pemuda UMNO Pusat 1959-1960 173

Lampiran II Calon-calon Yang Bertanding Bagi Dewan Undangan Negeri 1964 174

Lampiran III UMNO Bahagian Kuala Pilah 1965 175

Halaman


| | | |
|---|---|---|
| Lampiran IV | Pergerakan Pemuda UMNO (Pusat) 1965 - 1966 | 177 |
| Lampiran V | Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan 1969 | 178 |
| Lampiran VI | UMNO Bahagian Kuala Pilah 1969 (Sebelum Pilihanraya) | 179 |
| Lampiran VII | UMNO Bahagian Kuala Pilah (1971) | 181 |
| Lampiran VIII | UMNO Negeri Sembilan (1971) | 182 |
| Lampiran IX | Pegerusi Dan Timbalan Pegawai Tetap, Pegawai-pegawai Dan Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO (1971-1972) | 183 |
| Lampiran X | Negeri Sembilan : Kawasan Parlimen Bagi Pilihanraya 1978 | 185 |
| Lampiran XI | Jemaah Menteri Kabinet Kerajaan Malaysia 1978 | 186 |
| Lampiran XII | Sajak Hari Kebangsaan 1984 | 190 |
| Lampiran XIII | Putera Berjasa | 193 |
| Lampiran XIV | Karya-karya Penulisan Abdul Samad Idris | 194 |
| Lampiran XV | Gambar : Minat beliau yang mendalam dalam bidang 'Sejarah dan Kebudayaan' | 196 |
| Lampiran XVI | Gambar : Sewaktu merasmikan suatu Majlis Kebudayaan | 197 |
| Lampiran XVII | Gambar : Sebuah Sekolah Menengah yang dinamakan sempena nama Tan Sri Abdul Samad Idris di Kampung Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan | 198 |

# SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| ASAS NEGERI | - | Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan |
| ASAS 50 | - | Angkatan Sasterawan Tahun 1950 |
| DBP | - | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| DEB | - | Dasar Ekonomi Baru |
| DUN | - | Dewan Undangan Negeri |
| GAPENA | - | Gabungan Penulis Nasional |
| IMP | - | Parti Kemerdekaan Melayu (Independent of Malay Party) |
| KKBS | - | Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan |
| KOBENA | - | Koperasi Belia Nasional |
| KPNLB | - | Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar |
| MBM | - | Majlis Belia Malaysia |
| MCA | - | Malayan Chinese Association (Persatuan Orang-Orang Cina Malaya) |
| MIC | - | Malayan Indian Congress (Kongress India Malaya) |
| MSN | - | Majlis Sukan Negara |
| PAS | - | Parti Islam SeMalaysia |
| PBB | - | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| PEMENAS | - | Persekutuan Melayu Negeri Sembilan |
| P.I.B.G. | - | Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru |
| PLPDBP | - | Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa Dan Pustaka |
| PNH | - | Persaudaraan Nasrul Haq |
| UM | - | Utusan Melayu |
| UMNO | - | Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization) |

# SENARAI GAMBAR-GAMBAR


| | | |
|---|---|---|
| Gambar I | - | Minat beliau yang mendalam dalam bidang 'Sejarah dan Kebudayaan' |
| Gambar II | - | Sewaktu merasmikan suatu Majlis Kebudayaan |
| Gambar III | - | Sebuah Sekolah Menengah yang dinamakan sempena nama Tan Sri Abdul Samad Idris di Kampung Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. |

**PENDAHULUAN**

Tan Sri Abdul Samad idris adalah seorang tokoh politik yang agak berjaya. Penglibatannya dalam politik negara adalah bermula dari bawah iaitu dari jawatan yang kecil di peringkat daerah sehingga seterusnya dilantik menjadi Menteri Kabinet. Di samping aktiviti politik, beliau juga bergiat aktif dalam kegiatan Sosio-Ekonomi terutamanya dalam bidang kebudayaan.

Dalam penulisan Latihan Ilmiah yang bertajuk "Tan Sri Abdul Samad idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980)" penulis ingin menonjolkan ketokohan Abdul Samad Idris sebagai seorang tokoh politik negara, tokoh Budaya Negara dan juga sebagai eorang tokoh yang begitu berkaliber dalam kegiatan Sosio-Ekonomi yang lain.

Dalam menentukan garis panduan penulisan ini, penulis telah memilih jangkamasa antara tahun 1946 sehingga 1980 dengan alasan dalam jangkamasa inilah tokoh yang dikaji telah menceburkan diri secara aktif dan giat dalam bidang politik, kebudayaan dan kegiatan sosio-ekonomi yang lain. Namun begitu penulis hanya memberikan tumpuan terhadap peristiwa-peristiwa penting yang dialami oleh tokoh tersebut dalam jangkamasa yang dicatatkan.

Dalam penulisan-penulisan lain, penulis mendapati belum ada sebarang penulisan yang dilakukan terhadap tokoh ini. Kerana itulah penulis telah mengambil inisiatif untuk mengenengahkan tokoh ini dalam penulisan Latihan Ilmiah dengan tajuk "Tan Sri Abdul Samad Idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980)". Penulis juga berharap agar penulisan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada generasi akan datang.

**Metodologi Kajian**

Dalam menghasilkan penulisan latihan Ilmiah ini, penulis telah menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan di dalam perpustakaan dan juga penyelidikan di luar perpustakaan.

Bagi penyelidikan di dalam perpustakaan, penulis mendapatkan sumber-sumber daripada buku-buku, majalah, artikel-artikel, suratkhabar dan kertas-kertas kerja, sebagai persiapan sebelum menemui tokoh itu untuk ditemubual. Selain daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, penulis juga menjalankan penyelidikan di lain-lain perpustakaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Parlimen Malaysia dan Arkid Negara Malaysia, bagi mendapatkan sumber-sumber yang berkenaan.

Bagi penyelidikan di luar perpustakaan, penulis banyak menggunakan kaedah temubual, sebagai sumber lisan. Keterangan tokoh yang dikaji iaitu Tan Sri Abdul Samad Idris dianggap sebagai sumber utama. Penulis juga menemui tokoh-tokoh lain sebagai responden-responden seperti ibu dan adik-adik beliau serta kawan-kawan seperjuangan dalam politik, kebudayaan dan kewartawanan, bagi mendapatkan pandangan daripada responden ini tentang tokoh yang dikaji. Dengan demikian, penulis berharap akan dapat memantapkan penulisan terhadap tokoh itu, juga untuk mendengar dan menilai pandangan-pandangan orang lain terhadap kehidupan dan kegiatannya dalam semua bidang yang diceburinya.

**Masalah Kajian**

Dalam penulis untuk mendapat maklumat dan seterusnya untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini, penulis telah menghadapi beberapa masalah, diantaranya ialah kekurangan buku-buku yang ditulis mengenai riwayat hidup tokoh untuk dijadikan sumber rujukan. Jadi untuk mendapat fakta-fakta penulis terpaksa menemui tokoh dan responden-responden untuk mendapat fakta-fakta yang sebenarnya.

Dalam masa menjalankan sesi temubual, penulis menghadapi masalah kerana terdapat responden-responden yang enggan berkerjasama dan menceritakan beberapa peristiwa, dengan alasan ianya akan menyentuh perasaan golongan-golongan tertentu.

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat, fail-fail dan dokumen-dokumen daripada pejabat-pejabat kerajaan atau yang berkaitan misalnya Pejabat UMNO Kuala Pilah dan Negeri Sembilan gagal diperolehi kerana fail-fail yang lama sudah dibakar atau dibuang. Penulis juga dimaklumkan bahawa terdapat peristiwa-peristiwa penting pada tahun-tahun terawal UMNO di tubuhkan di Kuala Pilah yang tidak difailkan kerana kelemahan pentadbiran ketika itu. Keadaan ini menyulitkan penulis untuk mendapat sumber bukti yang sebenar.

Begitu juga dengan pejabat-pejabat kementerian yang berkaitan dengan tokoh yang dikaji iaitu kementerian yang pernah tokoh tersebut memegang jawatan. Penulis dimaklumkan bahawa fail-fail dan dokumen yang berkaitan telah disimpan dalam stor susah untuk mendapatkannya, juga dengan alasan-alasan pertukaran pegawai rekod dan pegawai yang berkaitan menyulitkan untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), merupakan kementerian yang agak penting dalam penulisan Latihan Ilmiah ini, kerana tokoh yang dikaji telah memegang jawatan sebagai menteri selama lima tahun (1976 - 1980). Penulis menghadapi masalah besar untuk mendapatkan maklumat tentang kegiatan tokoh yang dikaji kerana Pejabat KKBS telah mengalami kebakaran (terutama dalam Jabatan Kebudayaan) pada tahun 1985. Kesemua dokumen yang berkaitan telah hangus terbakar. Kini fail-

fail yang disimpan oleh KKBS adalah bermula daripada tahun 1985.

Untuk mendapatkan bahan di Arkid Negara Malaysia juga penulis menghadapi masalah. Penulis telah dimaklumkan bahawa kebanyakan pejabat dan kementerian yang berkaitan dengan tokoh yang dikaji tidak menghantar fail-fail mereka kepada pihak Arkid Negara, contohnya KKBS sebelum kebakaran berlaku. Menurut Arkib Negara, fail-fail yang sepatutnya dihantar kepada pihai Arkid Negara ialah fail yang telah berusia lebih dua puluh tahun.

Selain daripada masalah untuk mendapat sumber bukti masalah yang biasa terdapat pada seorang pelajar ialah kesuntukan masa dan sumber kewangan.

**Sinopsis Kajian**

Dalam penulisan Latihan Ilmiah ini, penulis telah mengkaji tentang beberapa perkara dan telah membahagikan kepada empat bab. Dalam bab I, telah ditulis mengenai riwayat hidup Tan Sri Abdul Samad Idris yang menyentuh tentang kelahiran, pendidikan, perkhawinan dan keluarga dan juga kerjayanya diperingkat awal.

Dalam bab II pula, menyentuh dan menceritakan tentang penglibatan dan kegiatan politik Tan Sri diperingkat daerah dan negeri dan mendedahkan bila, kenapa dan bagaimana bermulanya karier politik sehingga

beliau berjaya dilantik sebagai salah seorang menteri kabinet dalam tahun 1976 sehingga 1980.

Dalam bab III, penulis melihat kegiatan kebudayaan Tan Sri Abdul Samad Idris antara tahun 1946 sehinggalah tahun 1980 yang merangkumi kegiatan persuratkhabaran atau kewartawanan, kegiatan dalam Badan Persuratan, Adat Pepatih, kegiatan kesenian dan konsep Kebudayaan Nasional yang diperjuangkannya. Hasil daripada kegiatan dalam kebudayaan yang tidak mengenal jemu, pada tahun 1980 sempena Hari Sastera 1980 GAPENA, beliau telah dianugerahkan sebagai tokoh Budaya.

Dalam bab IV pula, penulis melihat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Tan Sri Abdul Samad Idris dari segi Sosio-ekonomi (1946-1980). Beliau telah bergiat cergas dalam berbagai bidang termasuk ekonomi, kegiatan berbentu agama, pertubuhan sosial dan kegiatan Belia dan sukan ketika beliau memegang jawatan sebagai Menteri dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebagai penutup, penulis telah menyimpulkan segala cerita yang terdapat dalam keempat bab di atas. Penulis juga memuatkan pandangan daripada beberapa orang tokoh terhadap segala kegiatan dan ketokohan Tan Sri abdul Samad Idris. Penulis juga telah memasukkan pandangannya terhadap tokoh yang dikaji.

# BAB II

# TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS DAN KEGIATAN POLITIK
# [ 1946 - 1980 ]

# BAB II

# TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS DAN KEGIATAN POLITIK [1946 - 1980]

## 2.0 Kesedaran Politik Di Peringkat Awal

Kesedaran politik Abdul Samad Idris telah bermula ketika pendudukan Jepun, yang mana semangat kesedaran kebangsaan beliau telah digembeling oleh pemerintah Jepun supaya bencikan penjajah Inggeris. Kesedaran politik ini juga adalah disebabkan sifat Abdul Samad Idris yang suka membaca buku-buku tentang Sejarah Melayu dan juga ilmu alam (geografi) seperti Sejarah Melayu, Sejarah Hang Tuah dan seumpamanya. Semangat ini muncul sebelum perang lagi. Jadi, bila perang tamat, beliau terus menceburi bidang politik.[30]

Semasa pendudukan Jepun, oleh kerana kekurangan makanan dan keperluan harian yang lain, juga ditambah dengan kekejaman yang dilakukan oleh pihak tentera Jepun, kebanyakan masyarakat Melayu mula membenci pemerintahan Jepun dan mengharapkan kembali kepulangan pemerintahan Inggeris yang dianggap oleh orang-orang Melayu sebagai 'bapak betul' dan 'bapak tiri' serta 'sangat baik' dan

---

30. Temubual dengan Tan Sri A. Samad Idris pada 19/9/1990

adil. Ketika itu, tiada langsung kesedaran politik lebih-lebih lagi terhadap kemerdekaan.

Yang ada dalam fikiran orang Melayu ialah kesenangan hidup. Namun sebilangan kecil cerdik pandai Melayu memang telah mula wujud kesedaran untuk merdeka. Bagi mereka kedatangan Jepun adalah satu hikmah untuk menambahkan lagi kesedaran dan keinsafan orang-orang Melayu yang hidup berkelompok-kelompok, berpihak-pihak, berpuak-puak dan berangan-angan kerana dasar pecah dan perintah oleh penjajah British.[31]

Sebagai seorang pemberita, kesedaran politik Abdul Samad Idris telah disalurkan melalui penulisannya. Ketika menulis pojok Akhbar Majlis, beliau dengan menggunakan nama samaran 'Mat Belantan', telah menghentam dan mengkritik penjajah, golongan diraja serta golongan bangsawan yang menyokong kuat terhadap penjajahan tersebut. Ketika bersama Akhbar Majlis juga, beliau mendapat sokongan kuat daripada sidang pengarangnya iaitu Semaun bin Mohd Yunus yang berasal dari Kuala Pilah dan banyak memberikan pandangan dan nasihat.

Pada akhir tahun 1945, Persekutuan Melayu Negeri Sembilan [PEMENAS] telah ditubuhkan. Ketika itu Abdul Samad Idris berusia dua puluh dua tahun. Setahun kemudian UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)

---

31. Shahrom Hussin, Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar, Penerbitan Fajar bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985 h. 65.

ditubuhkan. Ketika itu ianya dipimpin oleh pembesar-pembesar Negeri Sembilan dan Abdul Samad Idris hanya menjadi ahli biasa sahaja. Oleh kerana keaktifan dan penonjolannya, pada tahun 1946, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Cawangan UMNO Seri Menanti.

Prinsip perjuangan UMNO iaitu 'hidup Melayu' adalah kerana 'Melayu' yang dianggap sudah mati bila hendak ditubuhkan 'Malayan Union', yang ditubuhkan pada 1hb April 1946. Kesedaran masyarakat kampung juga muncul selepas Perang Dunia Kedua (selepas Jepun kalah) iaitu ketika 'Bintang Tiga' (komunis) memerintah negara. Ketika itu, penduduk Cina telah mengganas dan membalas dendam dan bertindak kejam keatas orang-orang Melayu yang tidak mahu mengikuti perjuangan mereka.

Faktor utama yang mendorong kepada kesedaran Abdul Samad Idris ialah ketika beliau menerima latihan di Sekolah "Shihang Gakko" untuk menjadi Guru Bahasa Jepun di Seremban selama setahun telah begitu banyak mendorong dan menaikkan semangat tentang anti penjajahan Barat sehingga berpengaruh dalam jiwa Abdul Samad Idris. Beliau telah ditanamkan semangat dan propaganda 'Asia Untuk Asia' yang disampaikan oleh pegawai-pegawai tinggi Jepun dalam siri-siri syarahan setiap minggu. Menurutnya Jepun juga adalah negara Asia, jadi perjuangan mereka adalah sama iaitu untuk menghapuskan tiga kuasa penjajah iaitu Amerika, Britain dan Belanda. Kerana itulah menurutnya Jepun melancarkan perang keatas kuasa-kuasa

besar ini yang telah melakukan kepungan ekonomi keatas penduduk Asia.

Menurut Abdul Samad Idris, pada masa sebelum perang dulu, cita-cita yang wujud dalam fikiran beliau hanyalah untuk bekerja makan gaji dengan Kerajaan sahaja. Namun, selepas perang (melalui kesedaran yang diperolehi semasa pemerintahan Jepun), cita-cita tersebut tidak pernah muncul lagi, kerana telah timbul kesedaran anti penjajah dan yang tinggal dalam fikiran beliau ketika itu ialah untuk menghapuskan penjajahan keatas negara dan bangsanya.

Ketika itu pembesar negeri langsung tidak menampakkan kesedaran ini kerana pembesar-pembesar ini telah hidup mewah ketika penjajahan Inggeris dulu. Jadi, tidak nampak oleh mereka bahawa rakyat dan negara perlukan kemerdekaan dalam erti kata merdeka untuk tanahair dan bangsa. Keadaan ini wujud kerana, ketika itu, masyarakat (rakyat biasa) adalah berpendidikan rendah. Bagi yang berpendidikan tinggi pula, mereka telahpun menjadi pegawai-pegawai British, maka semangatnya tentulah telah digembeling oleh penjajah British untuk menjadi alat penjajahannya.[32]

---

32. Segala isi dalam bahagian kesedaran politik di peringkat awal ini diceritakan sendiri oleh Tan Sri A. Samad Idris.

## 2.1 Abdul Samad Idris Dan Politik Sebelum Tahun 1955

Perjuangan politik UMNO Abdul Samad Idris bermula sejak tahun 1946, apabila dipilih menjadi Setiausaha Cawangan Seri Menanti di Kuala Pilah. Beberapa tahun kemudiannya, telah dilantik pula menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Pilah. Beliau terus menerus menempa kejayaan apabila dipilih pula menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan disamping menjadi Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaya pada tahun 1951.[33]

Setelah Inggeris kembali memerintah Tanah Melayu, iaitu selepas kekalahan Jepun, Abdul Samad Idris telah menjadi ahli bagi suatu pertubuhan yang dinamakan Persatuan Melayu Negeri Sembilan atau ringkasnya PEMENAS

---

33. Abdul Samad idris, 'Peranan Tan Sri Abdul Mubin Sheppard Sebagai Penasihat British', <u>Di sebalik Jendela Utusan - Suara Keramat: Ulangtahun Utusan Melayu (M) Bhd Ke-50 Tahun (1939-1989)</u>, Utusan Melayu (M) Bhd., 1989 h. 111.

bagi cawangan Seri Menanti pada penghujung tahun 1945.[34] Namun apabila UMNO ditubuhkan di Kuala Pilah pada tahun 1946, secara otomatik semua ahli PEMENAS telah menjadi ahli UMNO (ketika itu di Bahagian Kuala Pilah).

Jikalau ditinjau daripada sejarah penubuhan UMNO, iaitu setelah selesai Jawatankuasa menggubal Undang-Undang Tubuh "United Malaya National Organisation" [UMNO] sebagaimana yang telah diputuskan oleh Kongres Melayu Semalaya yang pertama pada 1,2,3 dan 4hb Mac 1946, maka Kongres yang ketiga kali telah diadakan di Istana Besar Johor Baharu pada 11 dan 12hb Mei 1946. Dalam kongres

---

34. PEMENAS ditubuhkan pada 9hb. September 1945 iaitu sebuah Pertubuhan Sosial dan Kebajikan yang bertujuan untuk memelihara ugama dan adat istiadat Melayu iaitu Adat Perpatih. PEMENAS adalah di antara persatuan-persatuan yang sama-sama ikut dalam kempen-kempen menentang Malayan Union. Lihat Abdul Samad Idris, <u>25 Tahun Merdeka: Kenangan Abadi Kepada Bangsa, Agama dan Tanahair</u>, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Budiman, 1982 h. 67.

    Selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, Ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO telah mencadangkan supaya UMNO menjadi parti politik. Ianya bertujuan untuk mengemaskini pentadbiran UMNO di merata tempat serta mempunyai dasar dan tujuan yang sama. PEMENAS dan beberapa persatuanyang lain telah menerina cadangan ini. Siti Aishah binti Yahya, "UMNO Negeri Sembilan Dari Tahun 1946 Sehingga 1969 : Krisis-krisis Dalam UMNO Negeri Sembilan ... Satu Analisa", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, <u>UMNO Organisasi Dan Kegiatan Politik 1946-1951</u>, Kota Bharu, Kelantan, 1978, h. 45.

    Boleh dikatakan bahawa PEMENAS merupakan batu asas kepada pergerakan politik yang lebih mantap lagi. Tanpa PEMENAS, sudah pasti sukar dikumpulkan serta disatupadukan orang-orang Melayu di Negeri Sembilan untuk menghapuskan Malayan Union. Lihat Pejabat UMNO Malaysia, <u>UMNO 10 Tahun 1946-1956</u>. h. 9.

ini, perlembagaan "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu" telah disahkan dan ditandatangani oleh semua perwakilan pertubuhan yang menghadirinya. Dengan itu, tamatlah nama Kongres Melayu Semalaya dan digantikan dengan nama "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu" (PEKEMBAR). Setelah itu, persidangan pertama Mesyuarat Agung PEKEMBAR pun dilangsungkan dengan dipengerusikan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang. Dalam mesyuarat pertama inilah Dato' Onn bin Jaafar telah diangkat sebagai Yang Di Pertua UMNO dengan sebulat suara.[35]

Pada bulan Ogos, 1951, Dato' Onn telah keluar daripada UMNO dan menubuhkan "Parti Kemerdekaan Melayu" atau IMP (Independent of Malay Party) kerana sikapnya yang menyokong Undang-Undang kerakyatan yang baru dan hasratnya hendak membuka pintu UMNO kepada orang-orang bukan Melayu yang menjadi warganegara Tanah Melayu, telah ditentang hebat oleh kebanyakan orang-orang Melayu.

Namun alasan yang diberi oleh Dato' Onn atas sebab-sebab beliau keluar dari UMNO adalah kerana hendak mendapatkan penyatuan dan mewujudkan perhubungan yang baik antara kaum-kaum yang benar-benar menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi untuk negara ini. IMP kemudiannya adalah terbuka kepada semua kaum dan telah

---

35. Pejabat UMNO Malaysia, <u>UMNO 20 Tahun</u>, h. 36-37.

bertukar nama kepada "Parti Negara". Dato' Onn telah diganti oleh Tunku Abdul Rahman bagi memimpin UMNO.[36]

Tindakan Dato' Onn yang terus keluar dari UMNO telah membawa keretakan perpaduan di kalangan ahli UMNO. Di Negeri Sembilan, kerabat diraja di Seri Menanti seperti Tengku Sharif dan Tengku Tunggal serta Datuk-Datuk Lembaga telah menyokong Dato' Onn. Kesetiaan dan kepercayaan terhadap kewibawaan Dato' Onn masih menebal di jiwa mereka. Menteri Besar Negeri Sembilan (Datuk Abdul Malik) telah mengarahkan Pegawai-pegawai Daerah dan semua Pegawai Kerajaan yang lain supaya berpihak kepada Dato' Onn.[37]

Pada tahun 1952, UMNO telah bergabung dengan MCA (Malayan Chinese Association). Pada awal tahun 1955 pula 'Malayan Indian Congress' (MIC) telah turut serta dalam Parti Perikatan. Dengan kerjasama parti politik yang berbagai bangsa di Tanah Melayu ini merupakan syarat utama yang dikemukakan oleh pihak penjajah jika Tanah Melayu inginkan kemerdekaan.[38]

---

36. Ibid. h. 42-45. Lihat juga Anwar Abdullah, Dato' Onn, Petaling Jaya: Penerbitan Pustaka Nusantara, 1971. h. 180.

37. Siti Aishah binti Yahya, op. cit. h. 10.

38. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1953-1955, h. 28-33.

Pada tahun 1946, Abdul Samad Idris telah menjadi Setiausaha Penaja bagi Cawangan UMNO Seri Menanti, dalam Bahagian Kuala Pilah yang diketuai oleh Tengku Ahmad bin Tengku Asul. Pada masa itu, kawasan politik UMNO telah dibahagikan kepada beberapa Bahagian yang berdasarkan kepada daerah. Di peringkat awal, Abdul Samad Idris bergiat di peringkat Cawangan dan Bahagian.[39] Dalam peringkat Bahagian, pada tahun 1947, beliau telah dilantik menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO dan setahun kemudian telah dilantik pula sebagai Ketua Pemuda Bahagian Kuala Pilah. Pada tahun 1948, UMNO Negeri Sembilan terbahagi kepada tiga Bahagian, iaitu pertama; UMNO Bahagian Seremban, termasuk kawasan Jelebu dan Port Dickson. Kedua; Bahagian Kuala Pilah dan ketiga; Bahagian Negeri Sembilan Selatan, yang juga termasuk

---

39. Pemilihannya mungkin berdasarkan ciri-ciri seperti semangat kebangsaan keMelayuan yang kuat di sdalam dirinya, semangatnya yang bencikan penjajah, selain dari aktif menulis, beliau juga aktif dalam bidang perniagaan, persuratan dan kemasyarakatan. Lagipun pada masa itu agak jarang terdapat di kalangan rakyat kebanyakan yang bergiat cergas, yang ada kebanyakannya terdiri daripada golongan kerabat diraja. Ini terbykti, jika kita lihat pemimpin-pemimpin yang aktif dalam PEMENAS di awal tahun 1946 terdiri daripada kerabat diraja dan golongan bangsawan seperti Tengku Muhammad bin Tengku Burhanuddin, Tengku Hussein bin Tengku Yahya, R. Mohd Nuruddin bin Raja Dali, Tuan Syeikh Ahmad bin Syeikh Mustafa, Dato' Purba Osman dan Encik Mohd Idris Mat Sil. Lihat Pejabat UMNOMalaysia, <u>UMNO 10 Tahun (1946-1956)</u>. h. 19. Sebelum penubuhan UMNO juga, selain daripada golongan kerabat diraja, hanya Guru-Guru Sekolah Melayu yang aktif dalam politik kalay adapun dari kakitangan Kerajaan, hanya dari kalangan peringkat rendah. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris pada 19.9.1990.

kawasan Tampin dan Rembau. Setiap Bahagian UMNO ada perwakilan. Perlantikannya sebagai Ketua Pemuda Bahagian adalah dipilih oleh para perwakilan tersebut. Beliau juga dilantik sebagai Ketua Pemuda Negeri dan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Pusat.

Di peringkat awal penglibatan Abdul Samad Idris dalam politik UMNO, beliau amat disenangi oleh raja-raja Negeri Sembilan yang tinggal di Seri Menanti dan berkebetulan pula Abdul Samad Idris berasal dari Seri Menanti. Namun pada tahun 1951, apabila pucuk pimpinan parti telah diganti oleh Tunku, ditambah pula dengan penubuhan Parti Negara oleh Dato' Onn, keadaan hubungan Abdul Samad Idris dengan kerabat-kerabat diraja juga turut berubah. Kebanyakan dari kerabat diraja telah keluar dari UMNO dan telah menyertai Parti Negara. Golongan diraja tidak menyokong pimpinan baru yang memperjuangkan kemerdekaan.[40] Ketika itu, golongan diraja ini disokong oleh Menteri Besar iaitu Datuk Abdul Malik bin Yusof. Keadaan ini menyebabkan Parti UMNO telah menjadi parti kiri dan Parti Negara sebagai parti kanan. Pada masa itu golongan feudal amat kuat dipengaruhi oleh kepimpinan Dato' Onn.[41]

---

40. Golongan diraja belum menyedari tentang kepentingan kemerdekaan kerana kehidupan mereka sebagai golongan faudalis. Penjajahan Inggeris telah meletakkan kedudukan mereka di tempat yang tinggi. Jadi, kesediaan untuk mereka belum muncul dalam diri mereka.

41. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris pada 19.9.1990

Pemuda UMNO Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Abdul Samad Idris agak agresif dan lantang menentang dasar penjajahan dan juga bentuk pemerintahan oleh golongan istana. Bersama-sama dengan Pemuda Pusat, mereka telah merancang, sekiranya mereka tidak berjaya mendapatkan kemerdekaan secara aman, mereka akan menggunakan kekerasan dengan melakukan pemberontakan. Tuan Haji Ahmad Badawi, Naib Yang Di Pertua Pemuda UMNO ketika itu telah menyusun satu rangka perjuangan yang telah diterima oleh Jawatankuasa Pemuda iaitu menyediakan satu pasukan bertindak yang dinamakan Barisan 33. Ianya dinamakan demikian kerana dalam satu pasukan hendaklah terdiri dari 33 orang ahli. Tuan Haji Ahmad Badawi bersama Abdul Samad Idris dan Hamzah Alang sebagai Setiausaha telah ditugaskan untuk menyusun satu bentuk perjuangan yang harus dilalui oleh Pemuda UMNO. Ketiga-tiga pemimpin itu telah menyusun strategi secara rahsia.[42]

Barisan 33 ini telah dicadangkan supaya ditubuhkan di setiap Cawangan Pemuda UMNO seluruh Tanah Melayu. Satu perjuangan bersenjata akan dilancarkan. Bila tiba masanya, Barisan 33 hendaklah merampas semua senjata-senjata di Balai Polis yang terletak di kampung-kampung. Mereka merasakan bahawa kebanyakan anggota polis ini bersimpati dengan perjuangan UMNO dan Barisan 33 yakin

42. Lihat Abdul Samad Idris, <u>25 Tahun Merdeka</u>: h. 250. Juga temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris.

bahawa mereka akan berjaya merampas senjata-senjata tersebut.

Tugas Abdul Samad Idris ialah menyediakan bekalan senjata. Oleh itu beliau telah menghubungi beberapa orang pegawai askar Melayu di Post Dickson yang bersimpati dan bersemangat nasionalisme yang kuat. Salah seorang dari yang menjaga stor senjata yang bernama Haji Zakaria yang berkebetulan berasal dari Seri Menanti sekampung dengan Abdul Samad Idris telah bersetuju untuk membuka stor senjata untuk dipunggahkan keluar dan dibahagi-bahagikan kepada Pemuda UMNO. Pada masa itu juga, ramai orang-orang UMNO telah menyertai anggota Polis Khas. Mereka menjaga estet-estet dan lombong-lombong yang memang telah terlatih dalam menggunakan senjata, dan bila tiba waktunya nanti, diharapkan tenaga ini dapat membantu.[43]

Namun apabila pihak penjajah terdengar khabar angin ini, mereka telah bersetuju untuk mengadakan perundingan dengan UMNO. Pemuda telah membuat keputusan untuk mendesak supaya diadakan pilihanraya dengan cepat. Semua ahli UMNO yang menjadi ahli Mesyuarat Negeri dan Mesyuarat Persekutuan yang dilantik telah meletakkan jawatan masing-masing. Mereka telah mendesak Kerajaan Inggeris untuk mendapatkan kemerdekaan. Dalam perundingan itu, Inggeris telah bersetuju untuk mengadakan

---

43. <u>Ibid</u>., h. 251

pilihanraya yang pertama bagi Tanah Melayu pada 27hb Julai 1955. Rombongan untuk kemerdekaan juga telah dihantar ke London.[44]

Dalam penglibatan politik Abdul Samad Idris di Kuala Pilah, oleh kerana sebahagian anak-anak raja di Seri Menanti ketika itu menentang UMNO dan Abdul Samad Idris berasal dari Seri Menanti, maka sebagai seorang pejuang kemerdekaan (UMNO adalah sebuah parti yang hendakkan kemerdekaan dengan cepat). Abdul Samad Idris telah menentang pemikiran anak-anak raja-raja tersebut.

Pada masa itu, ahli-ahli UMNO di Bahagian Kuala Pilah telah menyebelahi Abdul Samad Idris. Bagi sebahagian pembesar-pembesar Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan termasuk Datuk-Datuk Lembaga walaupun pada dasarnya mereka menyetujui perjuangan UMNO, tetapi oleh kerana memikirkan 'periuk nasi' mereka terpaksa menyebelahi pihak Kerajaan dan istana. Ketika itu DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ialah Tengku Abdul Rahman. Baginda menentang perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan kerana adanya pengaruh Pegawai-pegawai penjajah Inggeris. Dengan sebab itu, Abdul Samad Idris dengan satu rombongan Jawatankuasa UMNO Seri Menanti telah pergi mengadap DYMM untuk menjelaskan kedudukan sebenarnya. Namun pihak istana tidak menyetujui rancangan kemerdekaan kerana faktor kelemahan

---

44. Ibid.

orang Melayu dari berbagai segi samada dari segi ekonomi dan politik serta pendidikan.[45]

Namun bagi UMNO, sudah tiba masanya UMNO mengambil semula kebebasan orang Melayu dan Raja-Raja Melayu. Cogankata 'hidup Melayu' sudah tidak sesuai lagi untuk dipakai oleh orang Melayu (UMNO). Abdul Samad Idris telah mengusulkan cadangan supaya slogan 'hidup Melayu' ditukar dengan slogan 'Merdeka'. Akhirnya cadangan tersebut dipersetujui untuk diajukan ke Mesyuarat Perwakilan UMNO pada 24 dan 25hb Mac 1951. Usul yang diterima oleh perwakilan Perikatan Pemuda UMNO ini telah menjadi usul rasmi Perikatan Pemuda UMNO bahawa:

> "Bahasa Majlis Mesyuarat Perikatan Pemuda UMNO Malaya mengambil ketetapan mencadangkan supaya seruan 'hidup Melayu' yang dipakai oleh UMNO hari ini ditukar menjadi seruan 'Merdeka'." 46

Setelah dibahaskan dalam Mesyuarat Perwakilan UMNO, akhirnya usul tersebut telah dikemukakan oleh Tuan Haji Mohd Noah bin Omar selaku Pengerusi persidangan dan keputusannya ialah:

> "Bahawa Majlis Mesyuarat Agung UMNO ini mengambil ketetapan iaitu dipinda Undang-Undang Tubuh UMNO, bahawa perkataan 'hidup Melayu' di Fasal 34 dimansuhkan dan digantikan dengan perkataan 'Merdeka'." 47

---

45. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris pada 19.9.1990.

46. Abdul Samad Idris, <u>25 Tahun Merdeka</u>, h. 263 dan 266.

47. <u>Ibid</u>.

Perkataan 'Merdeka' dipilih adalah bagi mengubah semangat orang Melayu supaya lebih cintakan tanahair dan kemerdekaan adalah penting. Usul ini telah mendapat sambutan hangat dari seluruh masyarakat Melayu.

## 2.2 Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Pilihanraya Antara Tahun 1955-1969

Penglibatan Abdul Samad Idris secara langsung dalam politik dan berterusan, apabila dia dicalonkan bagi Dewan Undangan Negeri pada tahun 1955 yang merupakan pilihanraya pertama di Tanah Melayu dan yang pertama diadakan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Di dalam pilihanraya tahun 1955 ini, pencalonannya adalah dipilih oleh Mesyuarat Agung Khas Cawangan. Setelah nama calon diperolehi, diadakan pula Mesyuarat Khas Perwakilan Bahagian. Daripada Perwakilan Bahagian ini, barulah diusulkan kepada UMNO Negeri. Bahagian telah menetapkan bahawa setiap cawangan hendaklah menghantar tiga orang calon.[48]

Bagi pilihanraya 1955 ini, untuk Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan kawasan pemilihan telah dibahagikan kepada 12. Dengan itu, UMNO Perhubungan Negeri telah menentukan seramai 12 orang calon akan dipilih, bagi kawasan yang telah ditetapkan iaitu:

---

48. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris

1. Seremban
2. Rembau
3. Labu
4. Linggi
5. Kuala Pilah
6. Johol
7. Jempol
8. Tampin
9. Port Dickson
10. Lenggeng
11. Rantau
12. Jelebu [49]

Di dalam pilihanraya itu Abdul Samad Idris telah dicalonkan bagi kawasan Johol. Daripada 12 kawasan yang dipertandingkan, Perikatan [UMNO, MIC, MIC] hanya mendapat tentangan daripada 3 kawasan sahaja iaitu kawasan Lenggeng, Rembau dan Seremban. Di Lenggeng, calon UMNO Alias bin Rasul telah ditentang hebat oleh calon bebas iaitu Ismail bin Tamin. Di Rembau pula Abdul Hamid bin Mahmud telah ditentang oleh Abdul Hamid Ebuk dan Parti Negara dan di kawasan Seremban Chin See Yin dari MCA telah ditentang oleh Robert Singam dari calon bebas.[50]

Abdul Samad Idris telah menang tanpa bertanding. Begitu juga calon yang lain seperti Ariffin Ali yang bertanding di Jempol, Dato' Raja Hanifah bin Abdul Ghani yang bertanding di kawasan Rantau. Begitu juga dengan Dr Mohd Said bin Mohamad yang bertanding di Linggi.

---

49. T.E. Smith, *Report On The First Election of Members To The Legislative Council Of The Federation Of Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1960. h. 72.

50. T.E. Smith, *Report of The First Election ...*

Untuk kerusi 'State Legislative Council' telah dipilih seramai 24 orang. Sebelum diadakan pilihanraya, ahli-ahli yang seramai 24 orang ini telah dilantik oleh Raja. Tetapi setelah pilihanraya diadakan, 12 daripadanya adalah dipilih oleh rakyat. Daripada 12 orang tadi 2 daripadanya adalah dari MCA iaitu Chin Yin See dan Lee Tee Siong, seorang dari MIC bagi kawasan Port Dickson Kehar Singh.[51]

Setelah memenangi pilihanraya itu, tiga bulan kemudian, Abdul Samad Idris telah dilantik sebagai Exco Kerajaan Negeri. Majlis itu dipengerusikan oleh DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Ahli-ahli Majlis yang lain terdiri daripada Dato'-Dato' Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Penasihat British, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Syahbandar Sungai Ujong, Menteri Besar Negeri Sembilan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri. Di antara ahli Exco Kerajaan yang turut dipilih ialah seorang wakil MCA Lee Tee Siong, Dato' Raja Hanifah bin Hj. Abdul Ghani wakil dari Seremban dan Abdul Hamid Mahmud wakil dari Rembau.[52]

Oleh kerana wakil rakyat yang pertama wujud pada tahun 1955, kebanyakan penduduk kampung tidak tahu apakah sebenarnya tugas Wakil Rakyat. Jadi apabila Abdul Samad

---

51. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris dan juga dengan Datuk Jaafar bin Lillah.

52. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris dan Jaafar Lillah.

Idris menjadi Wakil Rakyat, penduduk kampung telah datang untuk mengadu tentang pelbagai masalah termasuk masalah rumahtangga dan masalah peribadi. Pada masa itu, Abdul Samad Idris telah membuka sebuah pejabat untuk memudahkan kerja-kerja harian sebagai seorang Wakil Rakyat. Beliau sendiripun belum tahu apakah sebenarnya tugas sebagai seorang Wakil Rakyat. Yang diketahuinya hanyalah bahawa tugas Wakil Rakyat ialah untuk menyampaikan hasrat rakyat kepada Kerajaan Negeri.[53]

Pada tahun 1959, telah diadakan pilihanraya bagi kali kedua. Pilihanraya kali ini adalah bagi menguji kemampuan Perikatan mengekalkan kuasanya dan bagi parti-parti lain seperti Parti Islam Malaysia (PAS), Parti Negara, Front Sosialis dan Calon Bebas adalah satu ujian bagi menentukan kemampuan mereka untuk merebut kuasa politik di Negeri Sembilan.[54]

Dalam pilihanraya kali ini, Abdul Samad Idris telah dicalonkan lagi dan telah memenanginya. Beliau telah menjadi Wakil Rakyat untuk kali kedua. Pilihanraya Dewan Undangan Negeri telah diadakan lebih awal daripada peringkat Parlimen. Kawasan pilihanraya telah bertambah menjadi 24 buah berbanding dengan 12 buah pada tahun

---

53. <u>Ibid</u>.

54. Federation of Malaya, <u>Report On The Parliamentary and State Eletion 1959</u>, Kuala Lumpur: Government Press, 1966. h. 53.

1955. Bagi peringkat Parlimen, Negeri Sembilan telah mempertandingkan enam kerusi berbanding dengan tiga kerusi pada tahun 1955. Daripada enam kerusi, empat kerusi telah dimenangi iaitu di kawasan Jelebu-Jempol, Kuala Pilah, Rembau-Tampin dan Port Dickson. Dua kawasan yang kalah ialah kawasan Seremban Barat dan Seremban Timur.[55]

Dalam pilihanraya bagi Dewan Undangan Negeri, dari 24 kerusi yang dipertandingkan, Perikatan hanya berjaya memperolehi 20 kerusi. 3 kerusi telah dimenangi oleh Front Sosialis dan 1 kerusi dimenangi oleh calon bebas. Kawasan yang dimenangi oleh Front Sosialis ialah Labu, Rompin dan Rantau. Kawasan Pertang pula dimenangi oleh calon Bebas.[56]

Semasa bertanding dalam pilihanraya ini, Abdul Samad Idris telahpun menjadi Ketua Pemuda UMNO Kuala Pilah dan juga salah seorang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Peringkat Pusat. Ketua Pemuda UMNO Pusat telah dijawat oleh Saadon Zubir dan Naib Ketuanya pula ialah Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah Fahim.

Pada pilihanraya kali ini juga, pengundi bangsa Cina semakin meningkat. Kerana itu, MCA telah menuntut lebih banyak kerusi. MCA telah bertanding bagi Bahagian

---

55. Ibid, h. 53

56. Ibid. Lihat juga Penyata UMNO 1959-1960

Seremban, Kuala Pilah dan Bahau. Pada tahun ini Abdul Samad Idris telah bertanding di kawasan Seri Menanti dalam tiga penjuru iaitu ditentang oleh Jaalam bin Osman dari Front Sosialis dan seorang calon Bebas, iaitu Raja Harun bin Raja Tacik.

Menurut Abdul Samad Idris, pencalonan Raja Harun adalah diatur oleh golongan kerabat diraja yang memang hendak menjatuhkan beliau, yang pada masa itu amat kuat pengaruhnya terutama di kawasan Seri Menanti. Oleh kerana pengaruh Abdul Samad Idris yang luas telah menimbulkan perasaan iri hati segolongan anak-anak raja lalu mereka mengaturkan seorang calon untuk menentang Abdul Samad Idris. Tetapi dalam pilihanraya tersebut, Abdul Samad Idris telah berjaya mengalahkan kedua-dua penentangnya itu.[57]

Pada tahun 1964, Abdul Samad Idris bertanding sekali lagi bagi Dewan Undangan Negeri di kawasan Seri Menanti. Kali ini beliau telah ditentang oleh Jaalam bin Osman yang dulunya dari Parti Front Sosialis, tapi kini telah bertanding atas tiket Parti Islam Malaysia (PAS) pula. Namun Jaalam bin Osman telah mengalami kekalahan yang teruk. Pada masa itu, Abdul Samad Idris telah dijanjikan oleh Tun Abdul Razak untuk dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan.[58]

---

57. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris pada 22.9.1990.

58. Telah diakui oleh Tan Sri Abdul Samad Idris.

Abdul Samad Idris telah bertanding sebagai calon pilihanraya sebanyak enam kali. Tiga kali bagi Dewan Undangan Negeri [1955, 1959, 1964] dan tiga kali bagi Parlimen [1969, 1974, 1978]. Didalam bilangan enam kali, tiga kali dimenanginya tanpa bertanding dan tiga kali lagi dimenangi dengan ditentang oleh parti lawan.

Dalam pilihanraya tahun 1969, nama Abdul Samad Idris telah dicalonkan untuk bertanding di peringkat Parlimen.[59] Ketika itu, beliau telah ditentang oleh seorang calon PAS. Namun Abdul Samad Idris telah memenangi pilihanraya tersebut. Dan bagi pilihanraya tahun-tahun seterusnya iaitu pada tahun 1974 dan 1978 Abdul Samad Idris telah memenangi tanpa bertanding.

Dapatlah disimpulkan bahawa Abdul Samad Idris adalah seorang tokoh politik yang berjaya. Bermula daripada pilihanraya yang pertama [1955] sehinggalah kepada pilihanraya ketiga [1964], bagi Dewan Undangan Negeri (DUN), beliau telah memenanginya dengan mudah walaupun mendapat tentangan terutamanya daripada pihak istana. Pada tahun 1969, beliau mula bertanding di peringkat Parlimen sebanyak tiga kali beruturt-turut sehinggalah pada tahun 1978. Pengaruh Abdul Samad Idris di kawasan Kuala Pilah sangat mantap. Beliau disegani

---

59. Setelah terdapat sedikit perselisihan atau pergolakan di dalam politik Kuala Pilah khasnya dan di Negeri Sembilan amnya. Akan dibincangkan seterusnya dengan lebih lanjut.

dan disanjung tinggi oleh masyarakat. Begitu juga di Negeri Sembilan secara keseluruhannya.

## 2.3 Krisis Politik Di Negeri Sembilan - Abdul Samad Idris Dan Isu Perlantikan Menteri Besar [1959-1969]

Penglibatan Abdul Samad Idris di dalam politik telah bermula sejak awal iaitu selepas kekalahan Jepun di tangan Inggeris. Kemudian, apabila UMNO ditubuhkan di Johor Baharu, beliau telah menjadi Setiausaha Penaja bagi Kuala Pilah pada tahun 1946. Keaktifan beliau menonjol sehinggalah beliau dicalonkan sebagai Wakil Rakyat bagi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya pertama pada tahun 1955, dan telah memenanginya tanpa bertanding. Kemudian dilantik pula sebagai salah seorang ahli Exco Kerajaan Negeri. Kejayaan beliau terus menerus, apabila beliau sering dicalonkan di setiap kali pilihanraya iaitu pada tahun 1959, 1964 dan pada tahun 1969 beliau telah dicalonkan di peringkat Parlimen.

Disini timbul persoalan kenapa beliau tidak berjaya melayakkan diri sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan setelah menjawat jawatan Timbalan kepada Menteri Besar pada tahun 1964, dan jawatan Menteri Besar telah jatuh ke tangan seorang tokoh politik yang agak kurang terkenal di Kuala Pilah khasnya dan di Negeri Sembilan amnya iaitu Datuk Mansur bin Othman. Persoalan yang menyusul ialah kenapa beliau telah dicalonkan ke Parlimen pada tahun 1969. Pada pendapat penulis, persoalan ini perlu dikaji secara mendalam.

UMNO Bahagian Kuala Pilah merupakan satu kawasan UMNO yang pertama ditubuhkan di Negeri Sembilan dan adalah kawasan UMNO yang agak kuat dan disegani.[60] Daripada Bahagian inilah muncul tiga orang tokoh UMNO yang amat berpengaruh di sekitar tahun 1955 sehingga 1969. Antaranya ialah Mohd Idris bin Mat Sil yang menjadi Ketua Bahagian UMNO Kuala Pilah pada tahun 1955[61] dan telah menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri bagi Negeri Sembilan pada tahun 1958.[62] Abdul Samad Idris pula ialah Ketua Pemuda Bahagian Kuala Pilah dan kemudian dipilih pula sebagai Ketua Pemuda UMNO bagi Negeri Sembilan.[63] Abdul Samad Idris juga merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Pusat yang dipengerusikan oleh Encik Saadon Zubir.[64] Seorang lagi tokoh dari Bahagian Kuala Pilah ialah Ariffin Ali. Beliau merupakan Naib Ketua Bahagian Kuala Pilah pada tahun 1964, yang pada masa itu Ketuanya ialah Encik Bahaman bin Syamsuddin dan Abdul Samad Idris sebagai Timbalan.

---

60. Diterangkan oleh Datuk Ariffin Ali, temubual pada 21.2.1990.

61. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1954-1955. h. 28.

62. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1958, h. 15.

63. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1959-1960, h. 2.

64. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1954-1955, h. 155.

Hubungan antara ketiga-tiga pemimpin ini amat erat. Ini kerana dasar dan bentuk perjuangan yang diperjuangkan adalah sama. Menurut Ariffin Ali yang merupakan seorang ahli perniagaan pada masa itu, kewangan adalah penting. Pada masa itu Parti UMNO kekurangan sumber kewangan. Oleh itu beliau banyak membiayai parti dan perjuangan UMNO.[65]

Sebelum mereka, iaitu selepas pilihanraya 1955, UMNO Perhubungan Negeri Sembilan dipegang oleh Dato' Abu Bakar bin Haji Osman dan Setiausahanya pula dipegang oleh Dato' Raja Mohd Hanifah bin Hj. Abdul Ghani.[66] Pada tahun 1958, UMNO Perhubungan Negeri dipegang oleh Encik Mohd Idris Mat Sil dan Setiausahanya ialah Encik Taha bin Talib.[67] Abdul Samad Idris pula masih lagi menjawat jawatan yang sama iaitu sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Pilah dan juga sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Pusat.[68]

---

65. Temubual dengan Datuk Ariffin Ali pada 22.12.1990.

66. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1955-1956, h. 58.

67. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1958, h. 16.

68. Ibid., h. 38.

### 2.3.1 Perlantikan Dr. Mohd. Said Sebagai Menteri Besar Dan Peranan Yang Dimainkan Oleh Abdul Samad Idris

Pada tahun 1959, selepas pilihanraya, ketika hendak dijalankan pemilihan untuk menjawat jawatan Menteri Besar bagi Negeri Sembilan (kali pertama Menteri Besar yang akan dipilih oleh suara majoriti rakyat) timbul sedikit kekecohan.[69] Ketika itu pucuk pimpinan parti iaitu Tunku Abdul Rahman yang merupakan Yang Di Pertua UMNO dan Tun Abdul Razak sebagai Naib Yang Di Pertua telah mencadangkan nama Dr Mohd Said bin Muhamad untuk menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan. Tun Abdul Razak ketika itu juga merupakan Suruhanjaya untuk menyiasat kedudukan Parti UMNO di Negeri Sembilan yang dilantik oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO selepas pilihanraya 1959 kerana dikatakan sokongan kepada UMNO Negeri Sembilan agak merosot.[70] Tetapi seluruh Cawangan dan Bahagian UMNO di Negeri Sembilan terutamanya Bahagian Kuala Pilah mahukan Mohd Idris Mat Sil sebagai Menteri Besar dengan alasan bahawa Mohd Idris ialah Ketua UMNO Negeri, jadi sepatutnya beliaulah yang akan menjadi Menteri Besar. Kerana itu timbul perasaan tidak puashati daripada kalangan ahli.[71]

---

69. Pada masa itu Encik Syamsuddin Naim telah dilantik sebagai Pemangku Negeri Besar.

70. Pejabat UMNO Malaysia, <u>Penyata Tahunan UMNO 1959-1960</u>, h. 1.

71. Disahkan oleh Abdul Samad Idris dan Ariffin Ali hasil daripada temubual yang dijalankan pada 22.12.1990.

UMNO Negeri Sembilan merasa kecewa apabila UMNO Pusat telah mencadangkan Dr Mohd Said untuk menjadi Menteri Besar. Ditambah pula dengan dakwaan mereka bahawa pucuk pimpinan tidak membincangkan terlebih dahulu dengan pemimpin di Negeri Sembilan.[72] Pada tanggapan UMNO Negeri Sembilan, tindakan UMNO Pusat ini telah melanggar dasar demokrasi yang diamalkan oleh parti. Ini kerana menurut peraturan parti, Cawangan-cawangan UMNO Negeri akan mengemukakan beberapa nama calon yang akan bertanding kepada Bahagian masing-masing. UMNO Bahagian akan memilih nama-nama ini dan kemudian akan menghantarkan nama-nama calon yang layak kepada UMNO Negeri. Jawatankuasa akan menapis nama-nama calon tersebut. Setelah itu mana-mana calon yang telah dipilih akan dihantar kepada Majlis Tertinggi UMNO untuk mendapatkan keputusan muktamad. Namun apa yang jelas berlaku, UMNO Pusat bukan sahaja mencalonkan nama Dr Mohd Said tetapi juga telah mencadangkan Dr Mohd Said sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan yang pertama yang dipilih oleh rakyat.

---

72. Berita Harian 24hb. November 1964, h. 4. Lihat juga Berita Harian, 17hb. Jun 1959 h. 8. UMNO Kuala Pilah telah mengadakan mesyuarat tergempar pada 5hb. Jun 1959. Dalam pertemuan itu UMNO Kuala Pilah Tengah, Kuala Pilah Barat, Jempoh dan Johol termasuk MCA Kuala Pilah dan Bahau dan juga MIC Kuala Pilah telah mengambil keputusan mendesak wakil-wakil rakyat supaya jangan menghadiri upacara mengangkat sumpah Majlis Undangan Negeri kelak.

Oleh kerana wujudnya perasaan tidak puashati di kalangan ahli-ahli UMNO Negeri, maka satu pertemuan telah diadakan di Seremban di sebuah 'Rest House' bagi membincangkan masalah tersebut. Ketika bercakap di dalam perundingan tersebut, wakil dari Kuala Pilah, iaitu Ariffin Ali telah mengatakan bahawa UMNO Negeri Sembilan memang tidak bersetuju dengan cadangan Tunku Abdul Rahman dan memutuskan bahawa calon Menteri Besar ialah Mohd Idris Mat Sil, kerana alasan yang kuat bahawa beliau adalah Ketua UMNO Negeri Sembilan, sepatutnya beliaulah yang berhak kepada jawatan tersebut. Setelah berlaku ketegangan pendapat, Tun Abdul Razak tidak membuat sebarang keputusan, maka perundingan tersebut terpaksa ditangguhkan.[73]

Timbul persoalan mengapa Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak begitu berminat untuk melantik Dr Mohd Said sebagai Menteri Besar dan mengapa pula Mohd Idris Mat Sil yang pada ketika itu memegang jawatan Ketua UMNO Negeri tidak dilantik menjadi Menteri Besar. Padahal beliaulah yang layak dan sepatutnya dipilih kalau berdasarkan suasana politik ketika itu. Penulis rasa perlu ditinjau apakah peranan Abdul Samad Idris dan Ariffin Ali dalam masalah ini.

---

73. Temubual dengan Datuk Ariffin Ali pada 22.12.1990. Lihat juga Berita Harian, 17hb. Jun 1959, h. 8.

Menurut Dr Mohd Said, penglibatan beliau dalam politik adalah dipengaruh kuat oleh Tun Abdul Razak.[74]

Dalam tempoh seminggu Tun Abdul Razak telah datang ke 'Rest House' Seremban. Menurut Ariffin Ali, di dalam perundingan itu beliau telah bangun dan berpendapat bahawa sepatutnya pemimpin UMNO Negeri Sembilan dipanggil untuk berunding sebelum diumumkan nama bagi Menteri Besar itu. Lagipun kalau Menteri Besar tidak disukai oleh orang ramai, kemungkinan tidak akan mendapat tempat di dalam parti dan bila-bila masa sahaja akan dijatuhkan.

---

74. Kenyataan Dr. Mohd. Said, Transkrip Sejarah lisan, Projek Dr. Mohd. Said, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1983. Bahawa setelah mempunyai pengalaman ketika bertanding dalam pilihanraya 1955. Dr. Mohd. Said kurang berminat untuk menceburkan diri dalam politik apalagi untuk bertanding dalam pilihanraya 1959. Pada ketika itu, dia merasakan lebih baik beliau membuka sebuah klinik dan menjadi "private Doctor" - doktor persendirian. Tetapi Tun Razak telah memintanya untuk bertanding dalam pilihanraya 1959 dan seterusnya beliau akan dicalonkan untuk menjawat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Perkenalan Dr. Mohd. Said dengan Tun Razak bermula sejak beliau menjalankan tugas sebagai doktor di Pekan, Pahang. Beliau kenal rapat dengan ayah Tun Razak iaitu Datuk Hussein dan telah menjadi doktor peribadi kepada keluarga tersebut. Hubungan Dr. Mohd. Said dengan Tun Razak lebih rapat bila beliau melanjutkan pengajian kedoktorannya di England dan ketika itu Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman juga menuntut pelajaran di situ dalam bidang undang-undang. Daripada sinilah apabila pulang ke tanahair hubungan itu menjadi lebih rapat lagi.

Ditambah lagi kerana UMNO Negeri Sembilan inginkan Mohd Idris Mat Sil yang dilantik sebagai Menteri Besar.[75]

Dr Mohd Said merupakan seorang yang pembengis. Hubungan dengan pemimpin-pemimpin Kuala Pilah tidak begitu rapat kerana sebenarnya beliau bukanlah seorang pejuang dalam politik UMNO.[76] Dr Mohd Said tidak begitu hebat perjuangannya jika dibandingkan dengan perjuangan Mohd Idris Mat Sil. Mohd Idris Mat Sil seorang pejuang sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 dan telah bekerja keras sehingga UMNO menjadi kuat dan menang dan boleh stabil di Kuala Pilah dan Negeri Sembilan amnya. Tetapi malangnya bila tiba saat hendak melantik seorang Menteri Besar beliau telah diketepikan.

Di dalam pertemuan itu, Tun Abdul Razak tidak mengambil keputusan bahawa Mohd Idris Mat Sil dan Dr Mohd Said akan ditolak dan diminta pencalonan lain. Sebenarnya Tun Razak memang tidak mahukan Mohd Idris Mat Sil dan penolakan terhadap Dr Mohd Said adalah satu muslihat sahaja kerana sememangnya pucuk pimpinan

---

75. Kenyataan Ariffin Ali, Transkripsi Sejarah Lisan, Projek Dr. Said, Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983. Juga temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.90. Lihat juga Berita Harian, 16hb. Jun 1959, hal. 2.

76. Ibid. Ini diakui oleh Dr. Mohd. Said dalam Transkripsi Sejarah lisan, Projek Dr. Said, Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983. Menurut Dr. Mohd. Said, dia sedar bahawa pencalonan sebagai Menteri Besar memang tidak disenangi dan disukai oleh ahli-ahli UMNO kerana sebelum ini, tugasnya di Hospital Besar sebagai Pakar Perbidanan menyebabkan dia terlampau sibuk dan tiada masa untuk bergaul dengan orang ramai.

hendakkah Dr. Mohd Said. Cadangan Tunku untuk mencalonkan nama lain ditentang oleh UMNO Kuala Pilah dan UMNO Negeri Sembilan, kerana mereka tetap dan masih mahukan Mohd Idris Mat Sil menjadi Menteri Besar.[77]

Akhirnya Dr Mohd Said telah dipilih dan diumumkan sebagai Menteri Besar oleh Tun Razak[78] dengan alasan bahawa seorang Menteri Besar mestilah mempunyai kelulusan yang tinggi.[79] Penolakan Mohd Idris Mat Sil adalah dengan alasan yang kuat bahawa beliau mempunyai rekod jenayah semasa mudanya iaitu ketika menjadi pengarang Utusan Melayu di Singapura kerana pecah amanah. Jadi

---

77. Walaupun pada masa itu ada tokoh-tokoh lain yang dicadangkan untuk menggantikan Mohd Idris Mat Sil dan Dr Mohd Said, iaitu Abdul Jalil bin Hj. Aminuddin dari kawasan Lenggeng, Ibrahim bin Mansur dari kawasan Pertang, Bahaman bin Shamsudin yang bertanding di Kuala Pilah pada tahun 1959 dan Abdul Samad Idris yang ketika itu menjawat Ketua Pemuda UMNO Kuala Pilah. Tetapi UMNO Kuala Pilah tidak mahu menonjolkan tokoh lain kerana hendak memberikan penghormatan kepada Mohd Idris Mat Sil sebagai Ketua UMNO Negeri Sembilan. Lihat juga Berita Harian, 16hb Jun 1959. h. 8.

78. Lihat Berita Harian, 18hb Jun 1959. h.8 Dr Mohd Said dilantik setelah tiga hari mengadakan persidangan dalam tempoh seminggu.

79. Dr Mohd Said telah berkelulusan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan juga King Edward College Singapura dalam jurusan kedoktoran. Kemudiana melanjutkan ilmu kedoktorannya di England.

pucuk pimpinan tidak mahu seorang pemimpin yang pernah mempunyai rekod buruk.[80]

Menurut Ariffin Ali, keputusan Tun Razak itu masih boleh dipersoalkan. Kenapa bila hendak dilantik sebagai Menteri Besar bagi masalah ini timbul.[81] Kenapa tidak ditimbulkan ketika Mohd Idris Mat Sil memperjuangkan UMNO dan dilantik sebagai Ketua UMNO Negeri. Kenapa ketidakpercayaan itu baru muncul, sedangkan beliau pernah dilantik oleh Tunku menjawat Pengarah Syarikat Kewangan yang dinamakan 'Malay Borneo Building Society' yang berpusat di Singapura.[82] Beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah selama tiga tahun iaitu dari tahun 1956 sehingga 1959. Bagi Ariffin Ali,[83] kalau hendak dikaji kesilapan seseorang memanglah banyak, tetapi kebaikan dan jasa yang telah dilakukan perlu juga difikirkan.

---

80. Sebenarnya dari awal lagi pucuk pimpinan Pusat tidak mahukan Mohd Idris Mat Sil sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan. Alasan yang diberikan hanya secara kebetulan sahaja untuk menguatkan alasannya. Temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.1990. Lihat juga Berita Harian, 16hb Jun 1959. h.2

81. Temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.1990.

82. Kenyataan Mohd Idris Mat Sil, Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said, Jabatan Sejarah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

83. Temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.1990. Lihat juga Kenyataan Ariffin Ali dalam Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said.

Bagi menyelesaikan ketegangan itu, Mohd Idris Mat Sil telah dilantik sebagai Pemangku Menteri Besar bila Dr Mohd Said bercuti atau keluar negeri dan beberapa orang pemimpin UMNO dari Kuala Pilah telah dilantik sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri.[84]

Bila berlaku krisis tentang nama calon untuk Menteri Besar, ahli UMNO Kuala Pilah mulanya berhasrat untuk mencalonkan Abdul Samad Idris, tetapi mereka tidak mahu melangkahi Mohd Idris Mat Sil sebagai ketua. Sedangkan Abdul Samad Idris hanya penolong kepada Mohd Idris Mat Sil. Ini menunjukkan adanya sikap memandang tinggi kepada ketua. Lagipun memang UMNO Kuala Pilah berkehendakkan Mohd Idris Mat Sil sebagai Menteri Besar.

Memang pada masa itu Abdul Samad Idris sendiri bersama Ariffin Ali memperjuangkan pencalonan Mohd Idris Mat Sil. Lagipun pada masa itu perjuangan beliau adalah untuk parti dan tidak timbul kepentingan peribadi. Jadi tidak timbul perasaan untuk mencari orang lain selain daripada Mohd Idris Mat Sil yang telah lama bergiat dalam

---

84. Lihat <u>Berita Harian,</u> 18hb Jun 1959. h.8. Sekiranya Dr Mohd Said tidak dapat menjalankan tugasnya. Enam orang telah dilantik sebagai Anggota Majlis Kerja Negeri, tiga dari UMNO iaitu Mohd Idris Mat Sil, Ariffin Ali dan Abdul Samad Idris. Dua dari MCA iaitu Lee Tee Siong, dan Lim Kee Siong dan satu dari MIC iaitu V. Letchuman.

UMNO dan sebagai Ketua UMNO, beliaulah sepatutnya menjadi Ketua Menteri.[85]

Bagi pihak Abdul Samad Idris, krisis Menteri Besar ini telah menaikkan nama beliau. Tun Razak telah membawa nama Abdul Samad Idris untuk dipersembahkan kepada Yang Di Pertuan Besar Tuanku Munawir. Tun Razak mahukan Tuanku Munawir melantik Abdul Samad Idris sebagai Menteri Besar menggantikan Mohd Idris Mat Sil. Malangnya Tuanku Munawir tidak bersetuju dengan cadangan Tun Razak itu.[86]

Menurut Abdul Samad Idris, kenaikan Dr Mohd Said adalah kerana peranan yang dimainkan oleh Haji Redza bin Mohd Said iaitu seorang Ahli Parlimen bagi kawasan Rembau-Tampin.[87] Oleh kerana ketika itu, kekuatan UMNO di Kuala Pilah adalah yang sangat penting di Negeri Sembilan, dia telah memburukkan Dewan Undangan Negeri Kuala Pilah dengan mengatakan bahawa pemimpin UMNO dari

---

85. Temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.1990. Lihat juga Kenyataan Ariffin Ali, Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said, Jabatan Sejarah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

86. Siti Aishah bt Yahya,"UMNO Negeri Sembilan Dari Tahun 1946 sehingga 1969: Krisis-krisis dalam UMNO Negeri Sembilan Satu Analisa", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1983. h.92

87. Haji Redza dan Dr Mohd Said mempunyai hubungan kekeluargaan. Haji Redza juga mempunyai semangat kedaerahan yang kuat.

Kuala Pilah tidak boleh dipercayai.[88] Oleh kerana hubungan Haji Redza dan Dr Mohd Said amat rapat dan hubungan yang memang sedia rapat antara Dr Mohd Said dengan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, maka kenyataan Haji Redza telah dipercayai oleh Tunku. Akhirnya keputusan dibuat bahawa Mohd Idris Mat Sil tidak dipilih dan Yam Tuan Besar serta pucuk pimpinan parti telah memilih Dr. Mohd Said.[89]

Kalau ditinjau kenapa Tunku Munawir menolak pencalonan Abdul Samad Idris, kita terpaksa melihat sejarah perjuangan Abdul Samad Idris diperingkat awal[90] yang terpengaruh dengan hasutan kerabat diraja Negeri Sembilan. Kerabat diraja Negeri Sembilan kurang sukakan Abdul Samad Idris kerana beliau pernah menentang Raja-Raja Seri Menanti dan termasuk Datuk-Datuk Lembaga apabila mereka menyokong Parti Negara. Tiga orang kuat yang menentang Abdul Samad Idris ialah Tengku Tunggal iaitu Penghulu Mukim Teraci (bapa tiri Tuanku Munawir). Tengku Sharif dan Tengku Nordin. Mereka bertiga inilah yang paling kuat mempengaruhi Tuanku Munawir. Akhirnya

---

88. Sebenarnya Haji Redzalah yang menceritakan tentang rekod buruk Mohd Idris Mat Sil ketika di Singapura kepada Tunku Abdul Rahman. Beliau sangat rapat dengan pemimpin UMNO Pusat dan dipandang tinggi.

89. Temubual dengan Tan Sri A. Samad Idris pada 21.11.1990.

90. Telah dibincangkan diperingkat awal bab ini.

mereka berjaya menguasai pemikiran Tuanku Munawir. Justru itu Abdul Samad Idris tidak dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada tahun 1959.[91]

Dalam menyimpulkan perbincangan di atas, penulis berpendapat bahawa pucuk pimpinan pusat memang tidak berhajat untuk melantik Abdul Samad Idris ataupun Mohd Idris Mat Sil menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan. Keengganan ini bukanlah disebabkan faktor perkembangan semasa yang berlaku, tetapi disebabkan mereka berdua tidak mempunyai kelulusan yang tinggi, lagipun dalam negeri yang semakin maju memerlukan pemimpin negeri yang bijaksana.[92] Penulis juga merasakan sungguhpun seseorang itu mempunyai pendidikan yang tinggi, tetapi tidak aktif berpolitik dan kurang tahu tentang keadaan masyarakat, sesebuah negeri tersebut tidak akan maju seperti apa yang diharapkan oleh pucuk pimpinan. Perlantikan Dr Mohd Said juga adalah untuk menyelesaikan dan mengimbangi masalah politik yang terdapat di Kuala Pilah. Walaupun secara logiknya memang Ketua UMNO Negeri yang sepatutnya menjadi

---

91. Kenyataan Abdul Samad Idris, Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said, Jabatan Sejarah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

92. Berita Harian, 19hb Jun 1959. h.2. Soal Dr Mohd Said dikehendaki oleh Tun Abdul Razak tidak timbul kerana Majlis Tertinggi telah mengadakan mesyuarat.

Menteri Besar. Namun sebenarnya perlantikan Menteri Besar terletak di tangan Presiden (pucuk pimpinan).[93]

Selepas Dr Mohd Said menjadi Menteri Besar, walaupun ada pertentangan namun ianya hanya datang dari Bahagian Kuala Pilah. Ini mungkin kerana Bahagian Kuala Pilah merasa bangga disebabkan ianya merupakan Bahagian yang paling kuat pengaruhnya.

Abdul Samad Idris adalah tokoh yang memainkan peranan penting dan menjadi saingan hebat kepada Dr Mohd Said. Walaupun pada zahirnya tentangan hebat kepada Dr Mohd Said adalah Mohd Idris Mat Sil. Nama Abdul Samad Idris mula memuncak selepas pilihanraya 1959 dan terus meningkat pada pilihanraya 1964 apabila beliau telah dicalonkan dan dilantik sebagai Timbalan kepada Menteri Besar Negeri Sembilan.

### 2.3.2 Abdul Samad Idris Dilantik Sebagai Timbalan Kepada Menteri Besar [1964-1969]

Pilihanraya 1964 mempunyai hubungan dengan krisis perlantikan Menteri Besar yang berlaku pada tahun 1959. Terdapat usaha yang dilakukan untuk menjatuhkan Dr Mohd

---

93. Ibid. Bahawa tidak ada ketetapan yang mengatakan bahawa Menteri Besar harus dilantik dari Ketua Parti Negeri. Lagipun pemilihan Dr Mohd Said tidak bererti memperkecilkan kedudukan Mohd Idris Mat Sil. Dalam soal perlantikan Menteri Besar, Majlis Tertinggi Perikatan di Kuala Lumpur yang layak membuat keputusan.

Said. Tetapi nasib baik UMNO Pusat bertindak cepat.[94] Menurut Dr Mohd Said usaha untuk menjatuhkan beliau datang dari Kuala Pilah. Umum telah mengetahui bahawa setelah Dr Mohd Said dilantik sebagai Menteri Besar, UMNO Kuala Pilah telah memberi penentangan yang hebat kerana tidak berpuashati dengan keputusan yang dibuat.[95]

---

94. Menurut Dr Mohd Said, Tunku dan Tun Razaklah yang memberikan sokongan yang kuat kepada beliau. Tanpa sokongan pucuk pimpinan tersebut, tentu beliau telah lama digulingkan dari kabinet Kerajaan Negeri Sembilan. Lihat kenyataan Dr Mohd Said, Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said, Jabatan Sejarah, Bangi: UKM, 1983.

Apabila Dr Mohd Said diberitahu oleh Hj Redza iaitu beberapa hari sebelum penamaan calon, bahawa namanya tiada dalam senarai calon-calon pilihanraya 1964, beliau terus menghubungi Tunku. Tunku telah mengarahkan UMNO Negeri Sembilan supaya memotong nama Abdul Ghani yang telah dicalonkan untuk bertanding di kawasan Linggi dan menggantikan nama tersebut dengan nama Dr Mohd Said. Dr Mohd Said percaya beliau masih lagi dikehendaki oleh UMNO Malaya sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan. Lagipun UMNO Cawangan Linggi, Seremban dan Jelebu telah bersetuju untuk mencalonkan beliau kembali dalam pilihanraya itu. Lihat kenyataan Dr Mohd Said dan Mohd Idris Mat Sil, Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said, Jabatan Sejarah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

95. Dikatakan bahawa kumpulan yang hendak menjatuhkan Dr Mohd Said telah berjaya mempengaruhi Khir Johari dan Saadon Zubir supaya mencadangkan Dr Mohd Said bertanding dalam kawasan Parlimen. <u>Ibid.</u> Kenyataan Mohd Idris Mat Sil.

Kalau ditinjau keadaan politik Negeri Sembilan ketika itu, Dr Mohd Said tidak lagi menghadapi persaingan politik dengan Mohd Idris Mat Sil setelah Mohd Idris bertanding di peringkat Parlimen bagi kawasan Jelebu-Jempol.[96] Beberapa orang pemimpin 'kuat' di Negeri Sembilan seperti Mohd Idris, Ariffin Ali, Sapiah Talib, Rahim Manan dan Haji Redza mengatakan bahawa Abdul Samad Idris yang bertanggungjawab dalam usaha menjatuhkan Dr Mohd Said. Pada masa itu, Abdul Samad Idris memang bercita-cita untuk menjadi Menteri Besar. Jadi satu cara untuk mencapai cita-cita tersebut ialah mengeluarkan Mohd Idris daripada menjadi calon Dewan Undangan Negeri.[97] Tetapi jika ditinjau daripada pengakuan Dr Mohd Said bahawa selepas dipilih sebagai Menteri Besar, Mohd Idris dan Abdul Samad Idris mempunyai keperibadian yang tinggi kerana tidak menunjukkan sikap menentang kecuali Ariffin Ali.[98]

Kemungkinan Abdul Samad Idris merasakan tidak perlu bagi dirinya bertindak agresif kerana cukuplah 'orang kuat' UMNO Kuala Pilah iaitu Ariffin Ali

---

96. Setelah dinasihati oleh beberapa orang pemimpin Pusat dengan alasan untuk menyelesaikan krisis MB daripada terus berlanjutan.

97. Ini kerana apabila ada ura-ura Dr Mohd Said hendak menarik diri dari bertanding, 'Kumpulan' itu yakin Mohd Idris Mat Sil akan menjadi MB kerana beliau merupakan Exco Kanan dan pernah memangku MB. Kenyataan Mohd Idris Mat Sil, Ariffin Ali, Sapiah Talib, Transkrip Sejarah Lisan.

98. Kenyataan Dr Mohd Said, Transkrip Sejarah Lisan.

memberikan tentangan dan cabaran kepada Dr Mohd Said. Ataupun mungkin beliau meramalkan belum tiba masa yang sesuai baginya untuk merebut jawatan Menteri Besar pada ketika itu (1959 - 1964).[99]

Sebenarnya Abdul Samad Idris memang dikehendaki oleh UMNO Kuala Pilah dan UMNO Negeri Sembilan sebagai Menteri Besar kerana tokoh utama iaitu Mohd Idris Mat Sil telahpun ke Parlimen. Beliau amat disegani dan dihormati oleh perwakilan Kuala Pilah. Menurut Ariffin Ali, satu dari kelebihan Abdul Samad Idris ialah kelantangannya bersuara menyebabkan cakapnya senang diterima oleh penyokong-penyokongnya.[100] Pada masa itu Tun Razak berkehendakkan Abdul Samad Idris sebagai Menteri Besar. Ini ditandai apabila beliau telah dilantik oleh UMNO Pusat sebagai Ahli Jawatankuasa dalam bahagian politik bagi pilihanraya UMNO.[101] Tetapi oleh kerana peranan yang dimainkan oleh Haji Redza menyebabkan beliau tidak

---

99. Siti Aishah bt Yahya, UMNO Negeri Sembilan dari tahun 1946 sehingga 1969 : Krisis-krisis dalam UMNO Negeri Sembilan. Satu Analisa, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983. h.91

100. Temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.1990.

101. Hj Redza telah membuat cerita tentang hubungan Abdul Samad Idris dan pihak istana sekiranya Abdul Samad Idris dilantik sebagai MB (kepada pucuk pimpinan). Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad Idris pada 22.11.1990.

dilantik dan Dr Mohd Said telah dilantik semula oleh Tunku dan UMNO Pusat.[102]

Abdul Samad Idris memang mengakui bahawa beliau layak menjadi Menteri Besar selepas pilihanraya 1964. Sebenarnya dia telahpun dicalonkan menjadi Menteri Besar semenjak 1959 lagi.[103] Untuk mengelakkan ketegangan, dicadangkan supaya Abdul Samad Idris menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan.

Antara tahun 1959 sehingga 1964, ketika Dr Mohd Said menjadi Menteri Besar, hubungan dengan pihak istana agak tegang. Ketika itu Yam Tuan Besar ialah Tuanku Munawir. Ini kerana menurut Dr Mohd Said beliau banyak menolak tuntutan 'kebendaan' dari pihak istana.[104] Dalam pada itu, hubungan Abdul Samad Idris telah mula pulih dengan pihak istana. Kerana itulah Haji Redza, dalam usaha untuk membela Dr Mohd Said dalam merebut jawatan

---

102. Temubual dengan Abdul Samad Idris. Lihat juga kenyataan Abdul Samad Idris, Transkrip Sejarah Lisan, Projek Dr Mohd Said, Jab. Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

103. Pejabat UMNO Malaysia: Penyata Tahunan UMNO 1961. h.6. Pada masa itu Abdul Samad Idris juga telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Pusat yang diketuai oleh Saadon Zubir.

104. Sebagaimana yang dibincangkan terdahulu, bahawa Dr Mohd Said bersikap tegas dan jujur. Beliau tidak mudah untuk dipujuk atau diampu oleh sesuatu pihak. Kenyataan ini disahkan oleh Datuk Hj Yusuf Bidin, Setiausaha Kerja UMNO Negeri Sembilan, hasil dari temubual yang dilakukan pada 5.1.1991.

Menteri Besar telah membuat kenyataan kepada Tunku dan Tun Razak bahawa sekiranya Abdul Samad Idris berjaya menjawat Menteri Besar, senanglah pihak istana menunaikan tuntutan mereka. Secara kebetulan mereka adalah dari Seri Menanti. Tun Razak telah termakan alasan tersebut. Kerana itulah akhirnya Dr Mohd Said telah dilantik untuk penggal kedua sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan walaupun pencalonannya masih belum diterima 100% oleh ahli UMNO Negeri Sembilan.[105]

Ini tidak bermakna UMNO Negeri Sembilan tidak mempunyai pendirian atau suara tetapi ia terpaksa akur kepada keputusan pucuk pimpinan untuk mengelakkan krisis. Lagipun kuasa untuk melantik Menteri Besar berada dalam tangan pucuk pimpinan Pusat.

Pada tahun 1964, UMNO Kuala Pilah telah mengusulkan supaya diadakan jawatan Timbalan Menteri Besar. Sebenarnya jawatan ini telah dituntut oleh UMNO Negeri Sembilan sejak selepas pilihanraya 1959 lagi, tetapi tidak diterima oleh UMNO Malaya dengan alasan jawatan tersebut tidak termaktub di dalam Perlembagaan.[106] Kali ini pucuk pimpinan terpaksa menerima usul ini memandangkan keadaan politik di Negeri Sembilan, yang masih lagi dilanda krisis tentang perebutan jawatan Menteri Besar.

---

105. Siti Aishah bt Yahya, "UMNO Negeri Sembilan Dari Tahun 1946 sehingga 1969", h.98

106. Ibid.

Namun jawatan yang diberi adalah jawatan Timbalan kepada Menteri Besar, bukannya Timbalan Menteri Besar. Seseorang yang menjadi Timbalan kepada Menteri Besar hanyalah berfungsi sebagai pembantu tugas Menteri Besar. Jawatan ini tidak dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri Sembilan.[107] Keputusan tidak meminda Perlembagaan ini telah dikemukakan oleh Penasihat Undang-Undang, Ibrahim Manan. Waktu itu, Abdul Samad Idris sendiri berpendapat bahawa tidak perlu diadakan kerana Negeri Sembilan hanya sebuah negeri kecil dan jawatan ini pun hanya buat sementara.

Abdul Samad Idris telah dipilih oleh pucuk pimpinan untuk menjawat jawatan tersebut. Ini amat dipersetujui oleh UMNO Kuala Pilah khasnya dan amnya Negeri Sembilan memandangkan peranan yang besar dimainkan oleh Abdul Samad Idris dalam politik Negeri Sembilan. Pada masa itu Mohd Idris Mat Sil telah ke Parlimen.[108]

Menurut Dr. Said jawatan ini diadakan kerana kegagalan Abd. Samad untuk menjadi Menteri Besar. Jawatan ini sengaja diadakan khusus untuk Abdul Samad yang sepatutnya menjadi Menteri Besar.[109]

---

107. Temubual dengan Abdul Samad Idris. Kenyataan ini diakui juga oleh Ariffin Ali dan Yusof Badin.

108. Kenyataan Ariffin Ali.

109. Kenyataan Dr. Mohd Said, Transkrip Sejarah Lisan.

Sepanjang Abdul Samad Idris memegang jawatan tersebut, penonjolannya melebihi Dr Mohd Said sebagai Menteri Besar. Beliau disenangi oleh UMNO Negeri Sembilan dan amat bijak mencari pengaruh. Ditambah dengan sikap Dr Mohd Said yang kurang mengadakan lawatan ke kampung-kampung.[110] Kewujudan jawatan Timbalan kepada Menteri Besar ini telah mencabar kewibawaan kepimpinan Dr Mohd Said. Secara langsung terdapat persaingan antara mereka. Dr Mohd Said banyak bertindak sebagai seorang Pegawai Pentadbiran tanpa memperhitungkan peranannya sebagai seorang ahli politik sedangkan Abdul Samad Idris adalah seorang ahli politik yang bijak. Justru itu Abdul Samad Idris lebih berjaya dan dapat menawan hati rakyat.[111]

Walaupun sebenarnya perlantikan Abdul Samad Idris dapat mengendurkan keadaan politik di Negeri Sembilan sedikit sebanyak, namun timbul satu masalah baru, bila ahli UMNO Kuala Pilah dan Negeri Sembilan mengharapkan Abdul Samad Idrislah yang akan menjadi Menteri Besar dalam pilihanraya 1969. Namun pergolakan terus menerus berlaku bila Abdul Samad Idris gagal lagi untuk kali ketiganya dalam usaha merebut jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan.

---

110. Kenyataan Sapiah Talib dan Ariffin Ali, Transkrip Sejarah Lisan, Jabatan Sejarah.

111. Siti Aishah bt Yahya, "UMNO Negeri Sembilan Dari Tahun 1946 sehingga 1969..." h.114

### 2.3.3 Mengapa Abdul Samad Idris Dicalonkan Ke Parlimen Pada Pilihanraya 1969

Pada tahun 1969, Abdul Samad Idris telah bertanding bagi kerusi Parlimen. Disini timbul persoalan, kenapa dia dicalonkan ke Parlimen dan mengapa beliau tidak mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri dan seterusnya bertanding untuk menjawat jawatan Menteri Besar yang telah diperjuangkan semenjak pilihanraya 1959 lagi. Perlu disebut disini bahawa Abdul Samad Idris telah dipilih sebagai salah seorang anggota Majlis Tertinggi UMNO Pusat pada 1964.[112]

Pada ketika ini memang tiada orang lain lagi yang disebut-sebut untuk menjadi Menteri Besar. Ini memandangkan Abdul Samad Idris yang memang berkelayakan dan ditambah dengan jawatan yang dipegang pada masa itu. Tun Razak dan pucuk pimpinan UMNO memang berkehendakkah beliau, begitu juga dengan Yam Tuan Besar. Tetapi akhirnya nama Mansur Osman yang telah dicalonkan.

Menurut Haji Yusuf[113] Badin oleh kerana pada masa itu dasar pemerintahan Tun Razak yang memberi lebih penekanan kepada pembangunan ekonomi negeri, maka beliau inginkan seorang Menteri Besar yang mempunyai kelayakan

---

112. Pejabat UMNO Malaysia: Penyata Tahunan UMNO 1964, h. 107.

113. Temubual yang dijalankan pada 5.1.1991.

dan berpengalaman dalam perancangan ekonomi. Meskipun pada dasarnya beliau menginginkan Abdul Samad Idris sebagai Menteri Besar berdasarkan pengalaman politik dan peranan yang besar yang telah dimainkan di Negeri Sembilan, ditambah dengan sokongan UMNO Negeri yang memang tidak berbelah bagi terhadap beliau.

Namun Ariffin Ali telah mendakwa bahawa perlantikan Mansur Osman sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan adalah kerana peranan yang telah beliau mainkan.[114] Pada masa itu Abdul Samad Idris memang berkeyakinan penuh bahawa beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar. Dengan itu sebulan sebelum diadakan pilihanraya, Abdul Samad Idris telah mengadakan satu pertemuan dengan semua Wakil-wakil Rakyat Negeri Sembilan kecuali Ariffin Ali dan Dr Mohd Said yang tidak diundang. Pada pendapat Ariffin Ali, Abdul Samad Idris tidak mengundang beliau adalah kerana pada masa itu pengaruh beliau juga agak besar di Kuala Pilah dan Negeri Sembilan. Jadi Abdul Samad Idris bimbang kalau Ariffin Ali akan menjadi saingan beliau dalam pilihanraya itu.

Dalam pertemuan itu, Abdul Samad Idris telah membayangkan bahawa beliau akan menjadi Menteri Besar dan Taha bin Talib akan menjadi Speaker.[115] Berbagai-bagai

---

114. Temubual dengan Ariffin Ali pada 28.12.1990. Lihat juga Transkrip Sejarah Lisan, Jabatan Sejarah.

115. Sedangkan yang menjadi Speaker ketika itu ialah Ariffin Ali. Ini benar-benar menunjukkan Abdul Samad Idris membelakangi Ariffin.

perancangan telah dibuat untuk pentadbiran Negeri Sembilan selepas pilihanraya tersebut. Ariffin Ali mendapat tahu berita tersebut dari seorang Wakil Rakyat yang turut hadir tetapi merasa kecewa bila beliau tidak diberikan tempat di dalam kabinet bayangan Abdul Samad Idris.[116] Dengan sebab itulah beliau membocorkan cerita pertemuan tersebut dengan harapan Ariffin Ali akan melakukan sesuatu tindakan. Ariffin Ali merasa kesal atas tindakan Abdul Samad Idris, maka timbul perasaan untuk membalas dendam. Beliau akan melakukan apa saja untuk menjatuh dan menggagalkan usaha Abdul Samad Idris untuk menjawat Menteri Besar ketika itu.

Dakwaan Ariffin Ali dan Siti Rahmah yang menuduh Abdul Samad Idris mengadakan perjumpaan sulit dengan Wakil-wakil Rakyat dan membelakangkan Ariffin Ali disangkal oleh Abdul Samad Idris. Menurut Abdul Samad Idris apa perlunya beliau mengadakan perjumpaan sulit untuk mendapatkan sokongan Wakil-wakil Rakyat yang lain untuk menjadi Menteri Besar?[117]

Abdul Samad Idris memang sudah diberikan pengakuan oleh Tun Razak sejak 1964 lagi untuk mengambilalih jawatan Menteri Besar menggantikan Dr Mohd Said yang

---

116. Beliau ialah Puan Siti Rahmah Kassim, Wakil Rakyat dari kawasan Terentang.

117. Temubual dengan Abdul Samad Idris pada 30.11.1990.

telah diputuskan tidak bertanding lagi. Bila keadaan ini berubah kerana itulah Abdul Samad Idris dipilih menjadi Timbalan Menteri Besar tahun 1964, satu jawatan yang khusus diberikan kepadanya. Jawatan itu tidak lagi diwujudkan hingga sekarang ini. Begitu juga dalam tahun 1969 Tun Razak telah bercakap dengan Abdul Samad Idris bahawa ia akan dipilih menjadi Menteri Besar.

Siti Rahmah dan Ariffin Ali merasa marah kerana mereka berdua tidak lagi dipilih oleh Tun Razak sebagai calon tahun 1969. Sebab-sebab kenapa mereka berdua tidak lagi dipilih, Tun Razak sendiri yang tahu sebabnya kerana mereka cukup mengenalinya sejak beberapa lama. Abdul Samad Idris diberitahu bila senarai nama-nama calon akan uskan dalam pertemuan kali kedua dengan Tun Razak dan Senu Abd. Rahman.[118]

Wakil-wakil Rakyat yang lain seperti Taha Talib, Aminuddin Manaf, Sapiah Talib, A. Kadir Abdullah dan beberapa orang lagi orang lama dipilih semula. Keputusan dibuat oleh Tun Razak hanya diketahui oleh Senu A. Rahman yang pada waktu itu menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Sembilan dan Abdul Samad Idris sendiri, tidak ada seorangpun orang lain yang mengetahuinya.

---

118. Ibid. Telah diakui oleh Datuk Senu Abd. Rahman.

Menurut Abdul Samad Idris lagi, seperti yang dimaklumi ia adalah seorang ahli dalam Jawatankuasa politik dan pilihanraya UMNO yang mewakili Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh Tun Razak. Mesyuarat-mesyuarat sering diadakan di Seri Taman bahawa semua soal-soal politik, pilihanraya, calon-calon dan lain-lain yang berkaitan semuanya dibincangkan dalam mesyuarat yang diadakan dua atau tiga bulan sekali.

Ikuti seterusnya penjelasan Abdul Samad Idris, kenapa beliau tidak dipilih menjadi Menteri Besar dari tahun 1959-1964-1969 dan kenapa nama Mansur Osman dipilih oleh Tun Razak menggantikan Dr Mohd Said.

Pada masa itu, beliau menyedari bahawa dasar pentadbiran yang dipegang oleh Tun Razak iaitu untuk pembangunan ekonomi negeri. Kerana itulah beliau telah pergi menemui Encik Abdul Ghafar Baba yang ketika itu menjadi Ahli Jawatankuasa Perlembagaan dan pilihanraya,[119] untuk mencalonkan Mansur Osman[120] sebagai bakal Menteri Besar Negeri Sembilan. Setelah beberapa pertemuan diadakan dengan Tun Razak telah menyetujui cadangan tersebut. Mansur Osman memang berasal dari

---

119. Pejabar UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1968-1970, h. 12.

120. Ariffin Ali telah mencadangkan nama Mansur Othman sebagai calon MB. Cadangan ini mungkin dibuat disebabkan Mansur Othman merupakan saudara sepupu kepada beliau. Tambahan pula ketika itu, Mansur Othman ialah Pengarah Pelajaran MARA.

Negeri Sembilan tetapi menetap di Kuala Lumpur. Jadi pendaftaran sebagai ahli UMNO telah dibuat di Kuala Lumpur. Namun Ariffin Ali sanggup menyelesaikan masalah tersebut dengan syarat Abdul Samad Idris tidak dicalonkan.[121] Dengan sebab itulah Tun Razak telah mengarahkan Abdul Samad Idris bertanding di peringkat Parlimen dan dijanjikan bahawa beliau akan dilantik sebagai Menteri Muda bagi Kerajaan Pusat.

Pada pendapat penulis, sepintas lalu mungkin dakwaan yang dibuat oleh Ariffin Ali ini logik dan boleh diterima, tetapi mungkin juga itu hanyalah salah satu daripada alasan mengapa Abdul Samad Idris telah diarahkan untuk bertanding di Parlimen.

Peranan Dr Mohd Said dan Haji Redza juga boleh diambilkira dalam peristiwa kenapa Abdul Samad Idris tidak dilantik sebagai Menteri Besar ini. Haji Redza sekali lagi membantu Dr Mohd Said. Mereka sekali lagi telah pergi berjumpa Tunku di Kuala Lumpur untuk menuntut jawatan tersebut. Tetapi tidak diterima oleh Tunku kerana menyedari bahawa Dr Mohd Said memang benar-benar telah tidak disukai oleh UMNO Negeri Sembilan bahkan Yam Tuan Besar juga tidak menyenangi Dr Mohd Said. Lagipun

---

121. Ariffin Ali telah mendaftarkan nama Mansur Othman di kawasan Kuala Pilah hanya beberapa hari sebelum pilihanraya dijalankan. Namun Mansur tidak terkenal langsung di Negeri Sembilan. Namun beliau telah berjaya dilantik sebagai MB kerana kuasa atau keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti.

Tunku sedar kiranya Dr Mohd Said dilantik untuk kali ketiganya akan menyebabkan politik Negeri Sembilan menjadi bertambah kucar-kacir.[122]

Sekali lagi mereka bercerita tentang hubungan baik antara Yam Tuan Besar dan Abdul Samad Idris dan kesan buruknya jika Abdul Samad Idris diterima sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan.[123] Alasan itu sebenarnya diterima oleh Tunku. Kerana itu, beliau telah berusaha untuk mencari pengganti sejajar dengan dasar pembangunan negara yang dijalankan oleh Tun Razak. Kerana itu, setelah nama Mansur dicalonkan Tunku telah menyetujui dan telah mengarahkan kepada Abdul Samad Idris untuk bertanding di peringkat Parlimen dan dijanjikan untuk dijadikan Menteri Muda dan jaminan kejayaan yang cerah di peringkat Kerajaan Pusat.[124] Dr Mohd Said pula telah ditawarkan untuk menjadi Duta atau Menteri di peringkat Pusat tetapi beliau enggan. Lantas beliau terus menarik diri dari bertanding sama ada untuk kerusi Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen.[125]

---

122. Kenyataan Abdul Samad Idris.

123. Hubungan baik ini memudahkan kerabat diraja untuk mengambil peluang keatas Abdul Samad Idris dalam tuntutan kekayaan.

124. Sebenarnya keputusan ini diterima oleh Abdul Samad dengan penuh senang hati. Kemungkinan beliau akan mendapat kejayaan yang lebih cerah.

125. Siti Aishah binti Yahya. op. cit, hal. 112.

Setelah difahami oleh Abdul Samad Idris masalah sebenar tentang perebutan sebagai Menteri Besar (Tunku dan Tun Razak telah menerangkan, dan beliau telah memahaminya) beliau telah dilantik oleh Tun Razak sebagai Ahli Jawatankuasa Politik dan Pilihanraya Pusat sejak tahun 1963 lagi. Namun bagi ahli-ahli UMNO Kuala Pilah, mereka tidak senang dengan tindakan UMNO Pusat. Ramai yang tidak mahu menerima Mansur sebagai Menteri Besar dengan alasan beliau tidak pernah aktif dalam UMNO Negeri. Mereka tetap mahukan Abdul Samad Idris menjadi Menteri Besar.[126]

Penulis berpendapat perlantikan Mansur Osman sebenarnya adalah satu jalan tengah bagi menyelesaikan masalah dalaman politik di Kuala Pilah khasnya iaitu antara Ariffin Ali dan Abdul Samad Idris yang sama-sama berpengaruh. Jika Tunku meneruskan rancangan untuk melantik Abdul Samad Idris mungkin politik Negeri Sembilan akan menjadi bertambah keruh kerana mungkin ada kemungkinan bahawa Ariffin Ali akan mengambil tindakan di luar dugaan dan akan mengeruhkan lagi suasana politik yang sudah sedia keruh itu. Lagipun perlantikan Mansur Osman adalah sesuai dengan dasar yang sedang dijalankan oleh Tun Abdul Razak yang kini terkenal dengan gelaran 'Bapa Pembangunan Malaysia'. Untuk menjalankan pembangunan negeri diperlukan seorang tokoh dan pemimpin

---

126. Siti Aishah binti Yahya, Ibid, 114.

yang ia sendiri kenali. Tun Razak melantik Mansur Osman dengan harapan Mansur akan membawa angin pembangunan yang akan mengubah nasib ekonomi orang Melayu, yang memang diketahui berada di tahap yang amat mengecewakan. Perlu juga disebut disini bahawa jawatan Timbalan kepada Menteri Besar telah dimansuhkan selepas pilihanraya 1969. Abdul Samad Idris telah menang satu lawan satu dengan Tengku Tunggal dari PAS Kuala Pilah bagi kerusi Parlimen dan telah dilantik sebagai Menteri Muda dalam Kementerian Pembangunan Desa dan Luar Bandar pada tahun 1969.

## 2.4 Kegiatan Politik Abdul Samad Idris Selepas 1969 Dan Penglibatannya Dalam Kerajaan Pusat

Di dalam pilihanraya 1969, Abdul Samad Idris telah ditentang oleh seorang calon PAS. Namun Abdul Samad Idris telah memenangi kerusi Parlimen dalam pilihanraya tersebut dengan jumlah undi yang besar. Dengan kejayaan itu, seperti yang telah dijanjikan oleh Tun Razak, Abdul Samad Idris telah dilantik sebagai Menteri Muda dalam Kerajaan Pusat iaitu bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pada tahun 1969.

Abdul Samad Idris terus menerus kekal sebagai salah seorang Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Pusat yang dipilih pada tahun 1964 dan beliau telah berkhidmat sehingga tahun 1980. Beliau juga telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Majlis Kebangsaan Perikatan yang telah

dilantik oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada 21hb Februari 1965.[127]

Pada tahun 1968 hingga 1970, beliau telah dipilih sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Penerangan UMNO Malaysia yang dipengerusikan oleh Encik Senu bin Abdul Rahman dan Setiausahanya ialah Encik Khir Johari.[128]

Di dalam politik UMNO Peringkat Negeri, pada tahun 1969 hingga 1972 Abdul Samad Idris menjadi anggota beberapa Biro yang telah ditubuhkan. Beliau telah menjadi anggota Biro Politik yang dipengerusikan oleh Mansur Osman, bersama beberapa orang anggota lain seperti Abdul Taha bin Talib, Ahmad bin Manap, Haji Aminuddin bin Manap, Mohamed bin Ujang, Mohd Yusof bin Daud dan Halimah binti Rasul.[129] Beliau juga turut menjadi anggota Biro Ekonomi yang juga dipengerusikan oleh Mansur bin Osman sebagai Menteri Besar. Turut sama dalam Biro ini ialah Taha bin Talib, Abdul Kadir bin Abdullah, Dahalan bin Aman, Mohd Yusof bin Daud. Abdul Samad bin Said dan Halimah binti Rasul.[130] Di dalam UMNO Bahagian Kuala Pilah, beliau telah diberi kepercayaan oleh ahli-ahli untuk menjadi Pengerusi dalam Biro Pelajaran. Di antara

---

127. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1968-1970. Hal. 11. Lihat juga Lampiran 2.4.I.

128. Ibid. h.13

129. Pejabat UMNO Malaysia, Penyata Tahunan UMNO 1971-1972. h.76

130. Ibid.

anggota-anggotanya ialah Yunus bin Musa, Meon bin Hassan, Hasim bin A. Ghani, Halimah binti Rasul, Taib bin Omar, Kassim bin Adam. Biro Ekonomi dan Politik telah dipengerusikan oleh Mansur bin Osman, Menteri Besar Negeri Sembilan.[131]

Selepas tahun 1969, walaupun beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Pusat, beliau masih lagi memegang jawatan Timbalan Pengerusi UMNO Negeri. Pengerusi bagi UMNO Negeri ialah Mansur bin Osman dan Setiausahanya ialah Taha bin Talib.[132] Pada masa itu, terdapat lapan buah Bahagian di dalam UMNO Negeri Sembilan, iaitu Negeri Sembilan Selatan, Kuala Pilah, Port Dickson, Johol, Seremban Timur, Seremban Barat, Jelebu dan Jempol. Di Kuala Pilah, UMNO Kuala Pilah telah memilih Abdul Samad Idris sebagai Timbalan Ketua Bahagian. Pada masa itu Pengerusi Tetap ialah Mohd Idris Mat Sil. Ketuanya ialah Mansur bin Osman, Naib Ketua pula ialah Abdul Kadir bin Abdullah, Setiausahanya pula ialah Ariffin Ali, bersama beberapa orang Ahli Jawatankuasa.[133]

---

131. Ibid. h.79

132. Ibid. h.190

133. Ibid. h.163. Lihat Lampiran 2.4.II

Di dalam Kerajaan Pusat, Abdul Samad Idris telah dilantik sebagai Menteri Muda atau Timbalan Menteri pada tahun 1970 bermula dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berakhir pada tahun 1971. Beberapa Kementerian lain juga sempat dipegang oleh Abdul Samad Idris sebagai Timbalan Menteri termasuk Kementerian Pertanian dan Perikanan. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada bulan Januari 1976, beliau telah dilantik sebagai Menteri Tak Berportfolio sehingga bulan Julai 1976 apabila beliau telah dilantik sebagai Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ketika Abdul Samad Idris memegang jawatan Menteri Muda bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB), jawatan Menteri Penuh dipegang oleh Encik Ghafar bin Baba.[134]

Tugas Abdul Samad Idris di PKNLB ialah untuk membangunkan msayarakat dan rakyat di luar bandar. Di antara usaha-usahanya ialah mengemaskinikan pernubuhan Syarikat Kerjasama di kawasan luar bandar untuk membela taraf ekonomi kaum tani dan kaum nelayan. Abdul Samad Idris telah berusaha untuk memajukan masyarakat luar bandar dengan mewujudkan Kelas Kemajuan Masyarakat

---

134. Temubual dengan Abdul Samad Idris pada 22.11.1990.

(KEMAS). Ini merupakan satu idea yang paling baik memandangkan keadaan negara yang semakin membangun dan selaras dengan dasar dan prinsip Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu untuk menghapuskan kemiskinan dan membangunkan masyarakat.[135]

Pada awal tahun 1972, Abdul Samad Idris pergi pula kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan,[136] sebagai Menteri Muda. Pada masa itu, Menteri Penuh ialah Tan Sri Hj. Mohamad Ghazali bin Hj. Jawi. Kementerian Pertanian dan Perikanan adalah bertanggungjawab kepada beberapa jabatan yang telah diwujudkan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan, Jabatan Parit dan Taliair, kajian teknik makanan, Pentadbiran Tanah dan Sumber Alam dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Satu usaha yang paling memberi kesan kepada Abdul Samad Idris secara

---

